هاري كباجيقن نݢري كلنتن

# HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

*Sempena 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam*

1 - 2 Rabiulawal 1442H
**18 - 19 Oktober 2020 (Ahad - Isnin)**

**Dewan Besar Balai Islam,
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang**

*"Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam"*

**Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan**
ukekwa@kelantan.gov.my ukekwa u_kekwa wanitakelantan.com

Kepada Dato`/ Datin/ YB/ Tuan/ Puan/ Encik/ Cik

.........................................

*SELAMAT DATANG KE*

# HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020
# SEMPENA
# TIGA DEKAD PENTADBIRAN MEMBANGUN
# BERSAMA ISLAM

# HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

EDITORIAL
HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

PENASIHAT
Ilvira Mohd Dasuki
Hjh Mas Rozita Mas Mohamad

KETUA
Tuan Azura Raja Ismail

AHLI JAWATANKUASA
Siti Amani Mohd Rahim
Nik Nurul Atikah Nik Mahmud
Muhamad Aminuddin Bunyamin
Nur Aina Othman
Nurul Adilah Che Soh
Wan Nor Fatihah Wan Din

SIDANG PENGARANG
Norsham Shamsuddin
Alifah Ilyana Abdullah

KONSEP/ PERWAJAHAN KULIT
Farah Farhana Ab Malek
Norazlina Mohd Nawi

Diterbitkan Oleh:
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 2, Blok 2 Kompleks Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu
Kelantan
Tel: 09-747 6568  Faks: 09-7476530
Emel: ukekwa@kelantan.gov.my

# TAFSIR SURAH AL-BALAD 12-18

Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa amal-amal yang tinggi di sisi Tuhan itu?

(Di antara amal-amal itu bagi yang orang mampu ialah: memerdekakan hamba abdi,

Atau memberi makan pada hari kelaparan,

Kepada anak yatim dari kaum kerabat,

Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah

Selain dari (tidak mengerjakan amal-amal) itu, ia (tidak pula) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang

(Ketahuilah! Bahawa orang-orang yang beriman serta berusaha mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan), merekalah golongan pihak kanan (yang akan beroleh Syurga).



MESYUARAT INDUK HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN (HKN 2020)
13 FEBRUARI 2020

خير الناس أحسنهم خلقا
وأنفعهم للناس

Sebaik-baik manusia adalah
yang terbaik budi pekertinya
dan yang paling bermanfaat
bagi manusia lainnya

Hr. Ahmad

# HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

## SEMPENA:

## MEDIA RASMI:

## PENAJA:

## ANJURAN:

## DENGAN KERJASAMA:

## RAKAN SINERGI:

KERAJAAN NEGERI/PERSEKUTUAN/
BADAN KORPORAT

## INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

## YAYASAN & KOPERASI

# BADAN BUKAN KERAJAAN

# Senarai Kandungan


| BIL | PERKARA | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1. | Sekapur Sireh | 1 |
| | • Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan | 2-3 |
| | • Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan | 4-6 |
| | • Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga, dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan | 7-8 |
| 2. | Jawatankuasa Pelaksana Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 | 9-17 |
| 3. | Latar Belakang Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 | 19-21 |
| 4. | Objektif Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 | 22 |
| 5. | Deskripsi Reka Bentuk Logo Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 | 23-26 |
| 6. | Atur Cara Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 | 27-38 |

| BIL | PERKARA | HALAMAN |
|---|---|---|
| 7. | Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan | 40-43 |
| 8. | Justifikasi Tokoh dan Ikon HKN 2020 | 44-48 |
| 9. | Biografi Tokoh dan Ikon HKN 2020 | 49-83 |
| 10. | Agensi Kebajikan dan Kesukarelaan di bawah U-KeKWa | 84 |
| | • Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA) | 85-86 |
| | • Skuad Kita Cakna (SKC) | 87-88 |
| | • Pertubuhan Armalah Darul Naim | 89-90 |
| | • Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) | 91-92 |
| 11. | Direktori | 93-98 |
| 12. | Galeri Foto/ Lampiran | 99 |
| | • Program dan Inisiatif Kebajikan | 100-104 |
| | • Keratan Akhbar dan Majalah | 105-108 |
| | • Buku-buku Keluaran U-KeKWa | 109-111 |
| | • Rangkaian Media Sosial Hari KebajikanNegeri Kelantan 2020 | 112 |
| 13. | Sekalung Budi | 114 |

# SEKAPUR SIREH



## YAB DATO' BENTARA KANAN
Menteri Besar Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ
وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَابِدِينَ

Maksudnya: *"Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami dan telah kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada kami lah yang mereka selalu menyembah"* (Surah Al-Anbiya' Ayat 73)

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan rahmat Allah SWT serta dengan izin-Nya Hari Kebajikan Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2020 dapat dijayakan dengan penuh makna.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa) dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan di atas usaha dan inisiatif dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Dengan dasar "Merakyatkan Membangun Bersama Islam" Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menitikberatkan soal berkebajikan sebagai agenda utama dalam pembangunan negeri. Asas utama dalam berkebajikan ialah kita memastikan diri kita beriman kepada Allah SWT.

Dengan asas ini kita akan sedar tanggungjawab dan hak masing-masing yang perlu dilunaskan dan ditunaikan.

Saya berharap dengan Sambutan Hari Kebajikan pada tahun ini ia bakal merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap kebajikan rakyat dapat dijaga di samping mempertingkatkan kebolehan, keupayaan, kemampuan serta kemahiran golongan sasar ke arah pencapaian yang cemerlang dan sekaligus memanfaatkan aset pembangunan negeri dan negara.

Akhir kalam, sekalung penghargaan sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat bagi menjayakan Hari Kebajikan Negeri Kelantan pada tahun 2020.

Semoga mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T .

Sekian, wassalam.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT ****
**** KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ****
**** KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN ****

Dengan hormatnya,



**YAB DATO' BENTARA KANAN**
**USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB,**
**S.J.M.K, D.J.M.K, (Kelantan)**
MENTERI BESAR KELANTAN



## YB DATO' PENGERUSI

Jawatankuasa Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

بسم الله الرحمن الرحيم

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ {١١} وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ {١٢}

فَكُّ رَقَبَةٍ {١٣} أَوْ إِطْعَامٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ {١٤}

يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ {١٥} أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ {١٦}

ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ {١٧}

*Maksudnya: "Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa amal-amal yang tinggi di sisi Tuhan itu? Di antara amal-amal itu bagi yang orang mampu ialah: memerdekakan hamba abdi, atau memberi makan pada hari kelaparan, kepada anak yatim dari kaum kerabat, atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah . Selain dari (tidak mengerjakan amal-amal) itu, ia (tidak pula) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang"* (Surah Al-Balad Ayat 11-17)

Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga, para sahabat serta pengikut setia Baginda hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah Azzawajalla kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita menjayakan sambutan "Hari Kebajikan Negeri Kelantan" yang julung kali diadakan. Program ini bertujuan untuk meraikan dan mengiktiraf peranan serta sumbangan golongan sasar dalam pembangunan negeri serta mempromosi budaya hidup berkebajikan dalam masyarakat selaras dengan komitmen kerajaan negeri Kelantan untuk mewujudkan sebuah negeri berkebajikan.

Berkebajikan dalam aspek sebuah negeri perlulah difahami dengan jelas. Ia bukanlah merujuk kepada tanggungjawab kerajaan kepada rakyat semata-mata, tetapi turut merangkumi tanggungjawab rakyat sesama rakyat dan tanggungjawab rakyat kepada kerajaan.

Sambutan kali ini menampilkan pelbagai program menarik antaranya Persidangan Kebajikan Antarabangsa, Majlis Perasmian Hari Kebajikan Negeri dan Penganugerahan Tokoh Kebajikan pelbagai kategori serta pelancaran SKC Mukim, Remaja dan Cilik.

Besar harapan saya agar program ini akan mampu memberi kefahaman yang jelas tentang konsep kebajikan kepada seluruh masyarakat yang akhirnya akan melahirkan ummah yang sentiasa berlumba-lumba melakukan kebajikan dan bersama bergandingan membangun masyarakat dan negeri.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan, Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) dan seluruh yang terlibat menjayakan program yang sangat bermakna ini. Kejayaan dan keberkesanan program ini adalah hasil gabungan kerjasama antara kita semua. Semoga Allah merahmati kita dengan limpahan hidayah dan barakahNya.

Sekian, wassalam

Selamat menyambut Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020

**“NEGERI BERKEBAJIKAN”**
**“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”**

Dengan hormatnya,



**YB DATO’HJH MUMTAZ MD. NAWI, S.J.M.K.**
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan



**PENGARAH**
Urus Setia Kebajikan,
Pembangunan Keluarga, dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh Ahlul Bayt, sahabat Baginda serta yang menurut mereka kemudiannya. Saya ingin merafakkan rasa syukur kepada Allah SWT yang telah membantu serta mempermudahkan segala urusan kita dalam menjayakan Hari Kebajikan Negeri Kelantan yang julung kali diadakan.

Setinggi penghormatan kepada YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob selaku Menteri Besar Kelantan dan YB Dato' Hajah Mumtaz Md. Nawi, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan kerana begitu prihatin dalam hal ehwal kebajikan rakyat serta sudi menitip kalam aluan sebagai pembuka bicara. Sikap cakna para pimpinan negeri seperti ini akan terus menyemarakkan lagi semangat dan tekad kami untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada seluruh rakyat negeri Serambi Mekah ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua agensi baik dari pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan yang saling berganding bahu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dalam memastikan program ini dilaksana dengan jayanya.

Tahniah diucapkan kepada semua pembentang kertas kerja dalam dan luar negara yang dapat menyertai program Sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 ini secara fizikal atau melalui atas talian. Penyertaan semua pihak mampu memberi impak yang baik bagi memenuhi objektif program.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada semua penaja yang telah memberikan komitmen bagi kelangsungan program, tidak dilupakan juga kepada seluruh kakitangan, warga kerja dan para sukarelawan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 yang bertungkus lumus menyumbang tenaga dan masa bagi merealisasikan hasrat ini.

Ditakdirkan program ini berlangsung semasa dalam pandemik Covid 19. Justeru, semua petugas dan peserta diseru menitik beratkan langkah pencegahan, sentiasa berwaspada dan menjaga kesihatan diri. Bagi mengurangkan risiko di sepanjang program berlangsung, pihak penganjur akan bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi mengambil langkah-langkah pencegahan awal.

Buat akhirnya besarlah harapan kami untuk memastikan inisiatif Dasar Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Kelantan sebagai *Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur* tercapai dan memberi impak positif kepada golongan sasar, para dhuafa' khususnya serta rakyat Kelantan amnya.

جزاكم الله خيرا كثيرا

Semoga Allah membalas semua sumbangan dengan kebaikan yang berganda serta melimpahkan rahmat dan barakahNya kepada program Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020.

Sekian. Wassalam.

Dengan hormatnya

**ILVIRA BINTI MOHD DASUKI**
Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

# JAWATANKUASA PELAKSANA HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

## JAWATANKUASA INDUK

**Ex-Officio**
YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob
Menteri Besar Kelantan

**Pengerusi**
YB Dato' Hjh Mumtaz Md. Nawi
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**Timbalan Pengerusi**
YB Rohani Ibrahim
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

**Setiausaha**
YM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Fiessal
(Tengku Kaya Perkasa)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

**Penolong Setiausaha**
YABrs. Puan Ilvira Mohd Dasuki
Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

**Ahli Jawatankuasa**
YB Dato' Wan Muhamed Dato' Sheikh Abdul Azizi
Setiausaha Politik Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)

YB Dato' Hj Che Mohd Rahim Jusoh
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)

YB Dato' Hj Nik Abdul Kadir Hj Nik Mohamad
Timbalan Mufti Jabatan Mufti Negeri Kelantan

YB Dato' Hj Hassan Mohamood
Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC)

YABrs. Dato' Dr. Johari Mat
Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG)

YDH DCP Shapien Mamat
Ketua Polis Kelantan (PDRM)

YB Puan Asmak Husin
Ahli Dewan Negara Malaysia

YBrs. Mohd Asri Daud
Setiausaha Politik Menteri Besar

YABrs. Encik Mohd Roshdi Ismail
Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan

YM Tuan Zainal Abidin Tuan Yusuf
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
(MPKB-BRI)

YABrs. Encik Ab Aziz Yunus
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan (PKINK)

YABrs. Hj Abdul Rashid Mohd Yusoff
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)

YABrs. Dr. Nazmi Ghazali Azmi
Pengarah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik
Pejabat Menteri Besar (SPARK)/
Pengerusi Konfiderasi NGO Kelantan (KNK)

YABrs. Encik Said Sidup
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

YABrs. Puan Hasmaryanti Kamaruzzaman
Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan

YABrs. Encik Zaharin Bakri
Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Kelantan

YABrs. Dr. Wan Nik Wan Yusof
Pengarah Pusat Kajian Strategik Kerajaan Negeri Kelantan

YABrs. Hj Zulkifli Mamat
Pengarah Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan

YABrs. Encik Nasruddin Mahmud Muhaidin
Pengarah Urusetia Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan

YABrs. Ustaz Zulqarnain Hassan
Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali

YABrs. Encik Jamaluddin Ishak
Pengarah Urus Setia Pembangunan Penghulu Negeri Kelantan

YBrs. Hj Wan Zukiflee Wan Mohamed
Pembantu Khas Menteri Besar

YBrs. Puan Hjh Zainiah Halim
Ahli Majlis Wanita

YBrs. Puan Hjh Khairiah Mohamed
Ketua Penolong Pengarah (Perundangan)
Bahagian Koordinasi & Program Khas

YBrs. Encik Suhail Mohamed Kamaruddin
Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Timbalan Menteri KPWKM
CEO Yayasan Kesejahteraan Global

YBrs. Encik Mohammad Faizal Che Yusof
Pegawai Khas Hal Ehwal OKU kepada Timbalan Menteri KPWKM
Yang Dipertua Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan
Islam Malaysia (PERTIS) merangkap Ahli Majlis Penasihat OKU
Negeri Kelantan (MPON)

YBrs. Dato' Dr. Zulkepli Hj Mohamad
Pengerusi Yayasan Amal Dato' Zul Wisma

YBhg. Hjh Wan Ubaidah Omar
Pengerusi Koperasi Islam (KOWANIS)

YBhg. Dr. Nurhafilah Musa
Ahli Jawatankuasa ILMUAN

YBrs. Abdul Hamid Seman
Pengerusi Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan

Yayasan Noor Al Syakur

## JAWATANKUASA PELAKSANA

**Ex-Officio**
YAB Dato'  Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob
Menteri Besar Kelantan

**Pengerusi**
YB Dato' Hjh Mumtaz Md. Nawi
Pengerusi Jawatankuasa  Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**Timbalan Pengerusi**
YB Rohani Ibrahim
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

**Ketua Pengarah**
YABrs. Puan Ilvira Mohd Dasuki
Pengarah
Urus Setia Kebajikan,  Pembangunan Keluarga dan Wanita

**Timbalan Ketua Pengarah**
YBrs. Puan Mas Rozita Mas Mohamad
Timbalan Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga  dan Wanita

**Pengarah Program**
YM Puan Tuan Azura Raja Ismail
Penolong Pengarah Kanan Unit Kebajikan
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

**JAWATANKUASA SEKRETARIAT & PUSAT MAKLUMAT**

1. Puan Siti Amani Mohd Rahim
2. Puan Norsham Shamsuddin
3. Puan Noor Hidayu Abd Ghani
4. Puan Wan Nor Fatihah Wan Din
5. Puan Siti Nur Atirah Mohamad Shaadi
6. Puan Alifah Ilyana Abdullah
7. Puan Nurizzati Othman
8. Encik Nurul Ikwan Mohd Suhaimi
9. Puan Shazatul Azmani Mat Zin
10. Puan Nuru Husna Nor Zafri
11. Puan Nor Atikah Rasyid
12. Encik Ahmad Asymawi Zulkifli
13. Encik Mohd Amiruddin Azhar

**JAWATANKUASA UCAPAN & RESOLUSI**

1. Encik Hushaimi Hussian
2. Puan Norhasidah Ismail
3. Dr. Nur Ilyani Mohamed Nawawi
4. Puan Mazidah Mohammad
5. Puan Wan Nor Ainon Wan Abdullah
6. Puan Suraya Syazwani Mohamad Yusof
7. Dr. Nurul Akma Mohamed
8. Puan Zaeidah Idris
9. Puan Nasywa Muhammad Ariff Bakhtiar

**JAWATANKUASA PENDAFTARAN**

1. Encik Sapuan Yusoff
2. Puan Nur Sabrina Shaari
3. Encik Ahmad Faeez Muhamad
4. Puan Noratikah Che Yusof
5. Puan Nur Aina Othman
6. Encik Mohd Razali Md Din

**JAWATANKUASA JURUGAMBAR**

1. Encik Sakroni Mosa
2. Puan Shasliza Samsuddin
3. Encik Radin Hasanudin Radin Omar
4. Puan Nurul Syuhada Jamaluddin
5. Encik Mohmed Shukor Abdullah

**JAWATANKUASA PROTOKOL PENYAMBUT TETAMU & FRONTLINE PERSONNEL**

1. Encik Abdul Fatah Jaafar
2. Puan Norhaiti Ibrahim
3. Encik Ahmad Syakir Mohd Nasuruddin
4. Puan Samsiah Chuyu Otoma
5. Puan Zainiah Halim
6. Encik Muhammad Aminuddin Bunyamin
7. Puan Dzukaidah Ali Muhammad
8. Encik Mohd Fariz Dato' Hj Mat Rahim

**JAWATANKUASA PAMERAN**

1. Encik Mohamad Nuri Mat Yaacob
2. Encik Zailani May
3. Puan Nur Hidayah Zawawi

**JAWATANKUASA PENAJAAN**

1. Dr. Wan Martina Wan Yusoff
2. Encik Mohd Zaki Zakaria
3. Puan Hjh Ahlaami Abdul Halim
4. Puan Nik Asiah Nik Mahmood
5. Puan Zakiah Ibrahim
6. Encik Muhamad Zainudin Abdullah
7. Encik Zaira Azlan Zainudin
8. Encik Mohd Khalik Mat Zari Omar@Omer

**JAWATANKUASA TEKNIKAL, SIARAYA & MULTIMEDIA**

1. Encik Redwan Ilias
2. Encik Mohamad Zaki Mustafa
3.. Puan Nik Safilah Mat Daud
4. Encik Mohammad Khairul Naim Mohd Jazli
5. Encik Abdul Hakim Mohamad Rosdi
6. Encik Mohammad Syakiran Nafi
7. Encik Basri Alias
8. Encik Shaifullah Ayub
9. Encik Mohammad Naim Hakim Che Abdullah
10. Encik Muhamad Asri Hamat
11. Encik Mohd Zaki Ab Rahim
12. Puan Sabrina Syafiqa Shaari
13. Puan Siti Nur Amirah Nawi
14. Puan Nur Tasnim Amani Shukri
15. Encik Ahmad Fahimi Yusof
16. Encik Saffuan Hamzah
17. Encik Faizal Suhaimi

**JAWATANKUASA PENGURUS MC**

1. Encik Jazli Johari
2. Puan Nur Hafizah Mat Husain
3. Puan Nurul Nabihah Ahmad Basri
4. Puan Nur Syazwani Abdullah
5. Puan Siti Farah Hamizah Hassan

**JAWATANKUASA PENGURUS ACARA**

1. Puan Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan
2. Puan Nur Adyani Mohamed
3. Encik Muhammad Ihsan Husain
4. Puan Samiah Abdullah
5. Puan Siti Nur Shakirah Suhaimi

**JAWATANKUASA KOMUNIKASI MEDIA, KORPORAT & PUBLISITI**

1. Puan Hjh. Khairiah Mohamed
2. Puan Nur Jannah Hasbullah
3. Encik Nazman Che Ibrahim
4. Puan Badura Bakri
5. Encik Mohd Farisfitri Md Suhaimin
6. Puan Norzana Razaly
7. Puan Shariah Deraman
8. Encik Radzuan Awang Hamad
9. Foo Min Li
10. Encik Khairul Asyraf Abu Bakar

**JAWATANKUASA PENGANGKUTAN**

1. Puan Nik Nur Nabilah Nik Mahmood
2. Encik Muhammad Ariff Mohd Noor

**JAWATANKUASA TERJEMAHAN**

1. Puan Noor Haseken P Rameli
2. Puan Norijan Yahaya

**JAWATANKUASA SUKARELAWAN**

1. Puan Nik Nurul Atikah Nik Mahmud
2. Puan Nurul Adilah Che Soh
3. Puan Noraisyatul Izzati
4. Encik Mohamad Saiful Amar Sidi Ahmad

**JAWATANKUASA PERSIAPAN TEMPAT**

1. Encik Ahmad Mustapha Ab Azais
2. Puan Siti Nur Hidayah Razali
3.. Puan Roslina Dato' Hj Ismail
4. Encik Muhammad Hafizuddin Napi

**JAWATANKUASA PENGINAPAN & SAJIAN**

1. Puan Aimi Munirah Ab Aziz
2. Puan Shazwani Sanusi
3. Puan Nur Nur Afifah Athirah Ahmad

**JAWATANKUASA LOGISTIK & TUGAS-TUGAS KHAS**

1. Encik Muhammad Hilmi P. Rameli
2. Encik Muhammad Abdul Aziz Mohamed Zin

**JAWATANKUASA KESELAMATAN & LALULINTAS**

1. Encik Mohd Aliman Ismail
2. Encik Muhammad Saifullah Zainuddin
3. Encik Muhammad Fidaus Radzulan
4. Encik Nik Muhd Fakhrullah Nik Ishak
5. Puan Norma Salleh
6. Puan Siti Yang Norasyikin Mohamad Radzi
7. Puan Siti Nur Aishah Mohd Sawi
8. Puan Siti Fairuz Binti Johan
9. Puan Nurul Fatin Amirah Che Soh
10. Puan Nurul Arina Arzemi

**JAWATANKUASA PEREKA GRAFIK**

1. Encik Saipudin Ibrahim
2. Puan Farah Farhana Ab Malek
3. Puan Norazlina Mohd Nawi

**JAWATANKUASA CENDERAMATA**

1. Puan Rabiatul Adawiah Yusof
2. Puan Noor Hiluani Shafie

**JAWATANKUASA PEGAWAI PENGIRING**

1. Puan Nikmatul Zaikha Khamis
2. Puan Rabiah Abdul Wahab
3. Puan Siti Sarah Mohd Nawi
4. Puan Hasnina Hassan

**JAWATANKUASA KESIHATAN & KECEMASAN**

1. Dr. Tengku Ahmad Damitri Tg. Din
2. Dr. Nik Hazma Nik Husain
3. Dr. Mohd Farid Mohd Amin
4. Dr. Muhammad Za'im Mohd Samsuri
5. Dr. Nadia Fatihah
6. Dr. Amalina Yusof @ Abdullah Saari

**JAWATANKUASA KOORDINATOR PERSIDANGAN KEBAJIKAN KELANTAN**

1. Puan Mas Rozita Mas Mohamad
2. YB Ustazah Asmak Husin
3. Puan Bazilah Kamaruldin
4. Dr. Nurhafilah Musa
5. Puan Sakinah Mat Zin
6. Puan Zaiton Mustapha
7. Puan Hjh Siti Maziah Ab Rahman
8. Puan Zatul Himmah Abdul Karim
9. Puan Intan Nurul'ain Mohd Firdaus Kozako
10. Puan Mazuin Mat Halif
11. Dr. Nor Halida Haziaton Mohd Noor
12. Puan Nur Aqilah Hasan
13. Puan Nur Aisyah Mohamad Adnan

**JAWATANKUASA KOORDINATOR MAJLIS PERASMIAN HARI KEBAJIKAN**

1. Puan Siti Nurhajartum Akmal Mohamed
2. Puan Susilawati Hassan

وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِين

"Dan berbuat baiklah kepada ibu bapak dan kaum kerabat serta anak-anak yatim dan orang-orang miskin"

(Al-Baqarah :83)

# LATAR BELAKANG
# HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan sasar ini dalam pelbagai aspek pembangunan negeri. Seiring dengan tema "Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam", menjadi fokus kerajaan negeri untuk sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kesejahteraan golongan penerima kebajikan seperti golongan OKU, armalah, anak yatim, dan orang miskin berteraskanfalsafah persamaan taraf dan hak kepenggunaan bagi menggalakkan transformasi daripada berasaskan kebajikan (*charity base*) kepada hak (*right base*). Bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi tersebut, setiap rakyat di negara ini khususnya Negeri Kelantan harus memberi peluang yang sewajarnya kepada golongan tersebut bagi mengembangkan potensi diri mereka ke tahap yang paling optimum untuk mewujudkan masyarakat yang progresif, inklusif dan penyayang.

Usaha ini dapat dilihat menerusi Sambutan hari OKU Peringkat Negeri, penyampaian sumbangankebajikan kepada armalah dan anak yatim, penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan kepada penjawat awam negeri serta pelbagai program pembangunan dan jati diri yang meliputi kebajikan keseluruhannya sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman di dalam surah Al-Anbiya' ayat 148 yang bermaksud: "*…Maka berlumba-lumbalah kamu (dalam berbuat) kebaikan*"

Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada semua pihak yang berganding bahu menjayakan slogan "Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam", buat julung kalinya Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) menganjurkan

Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 (HKN 2020) bersempena Tiga Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI) yang berlangsung selama dua (2) hari bertempat di Dewan Besar Balai Islam, Lundang. Agenda berprestij ini membawa kelainan dengan menggabungkan acara secara atas talian dan fizikal sebagai menunjukkan komitmen dan kepatuhan kepada *Standard Operation Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

**1) Persidangan Kebajikan Antarabangsa**

Persidangan Kebajikan Antarabangsa melibatkan pembentangan kertas kerja secara atas talian yang dibentangkan oleh panel jemputan dari dalam dan luar negara. Sepanjang persidangan berlangsung, sebanyak lima (5) topik pembentangan kertas kerja yang akan mengupas tentang polisi, cabaran dan isu-isu kebajikan dan satu slot perkongsian daripada NGO Turki di Malaysia.Persidangan ini dilangsungkan menerusi aplikasi *Zoom* dan disiarkan secara langsung di *page* HKN.

**2) Majlis Perasmian Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020**

Pembuka tirai Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 dimulai dengan bacaan alunan ayat suci Al-Quran sebagai memberkati majlis. Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh YB Dato' Hjh Siti Zailah Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertempat di Dewan Besar Balai Islam, Lundang. Gimik perasmian HKN 2020 diserikan dengan pelancaran SKC Mukim, Remaja dan Cilik serta penganugerahan Tokoh dan Ikon Kebajikan. Dalam acara penuh gilang gemilang ini, 15 penerima daripada 15 kategori turut diraikan bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan mereka dalam memaknakan konsep "tangan di atas lebih mulia daripada tangan di bawah". Pemilihan tokoh dan ikon kebajikan negeri adalah mengikut justifikasi dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Semoga sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 ini akan meningkatkan imej Kerajaan Negeri Kelantan "Membangun Bersama Islam" yang sangat menitik beratkan kebajikan dan menghargai peranan golongan sasar di Kelantan dengan mempromosikan skim dan insentif kebajikan yang telah ditawarkan oleh kerajaan negeri.

## OBJEKTIF HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

1. Membincangkan hala tuju dan persiapan bagi pengurusan dan amalan kebajikan terbaik dari segi pembangunan intelektual, fizikal dan pengurusan fasiliti.

2. Mendapatkan input, maklum balas dan cadangan dalam menyediakan resolusi ke arah pembangunan kelestarian dan kesejahteraan golongan asnaf.

3. Menangani cabaran dan tuntutan semasa dalam membangunkan negeri berkebajikan dalam menghadapi perubahan dan persaingan dalam suasana dan persekitaran perkembangan pesat teknologi serta penyelidikan (R&D).

4. Memperkenalkan Dasar Berkebajikan & Kesejahteraan Rakyat dan Gagasan OKU Muqarrabun serta menjadikan program ini sebagai platform untuk meneruskan promosi tentang pencapaian komponen kebajikan Kelantan ke peringkat nasional sempena sambutan Tiga Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam.

5. Memberi pendedahan dan pemahaman tentang cabaran semasa, polisi dan isu-isu kebajikan sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa serta merangka pelan tindakan strategik ke arah menghasilkan amalan terbaik negeri berkebajikan di tempat masing-masing.

6. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab mereka terhadap golongan sasar dan seterusnya menggerakkan komuniti supaya meningkatkan kemudahan dan sistem sokongan kepada golongan sasar.

7. Memanfaatkan jaringan perhubungan dan membina rangkaian serta jalinan kerjasama strategik antara institusi pendidikan, kebajikan, kerajaan, swasta, NGO dan sebagainya.

# DESKRIPSI REKA BENTUK LOGO HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

## PENDAHULUAN

Logo Hari Kebajikan telah dicipta khusus untuk sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) sempena sambutan 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI).

Logo Hari Kebajikan 2020 merupakan hasil kombinasi 3 elemen utama yang menjadi simbolik kepada sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan pada tahun ini. Pendifinisian secara menyeluruh tentang elemen yang terdapat di dalam logo ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian:

1. Bentuk/ Simbol
2. Warna
3. Tulisan

# 1. BENTUK/ SIMBOL



**Hati:**

Rasulullah SAW mengingatkan kita bahawa, "Ketahuilah kamu, dalam badan manusia terdapat segumpal darah, apabila baik maka baiklah keseluruhan perbuatannya dan apabila buruk maka buruklah segala tingkah lakunya. ketahuilah kamu bahawa ia adalah hati". Di situlah letaknya iman yang menjadi pegangan hidup setiap muslim. Maka simbolik bentuk hati di dalam logo adalah penzahiran kesucian iman yang akan melahirkan ketinggian amal dan akhlak.



**Bulan, Bintang, Tombak dan Keris:**

Merupakan lambang yang digunakan dalam jata negeri Kelantan yang digunakan pada dokumen rasmi kerajaan. Lambang tersebut mengandungi empat (4) unsur utama yang mempunyai maksud tersendiri. Bulan dan bintang merujuk kepada agama Islam sebagai agama rasmi negeri, manakala dua bilah keris dan dua batang tombak adalah simbol kekuatan dan kegagahan orang Melayu di negeri Cik Siti Wan Kembang.



**Menara Al-Quran:**

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan oleh Allah SWT melalui lisan Rasulullah SAW bagi menjelaskan persoalan yang timbul pada zaman tersebut. Selepas kewafatan baginda, Al-Quran menjadi sumber rujukan utama dalam agama Islam berkaitan hukum hakam syariat dan menjadi panduan dalam gerak kerja seharian umat Islam sehingga hari ini. Justeru menjadi kewajipan bagi orang Islam meletakkan Al-Quran di tempat yang tinggi bagi memuliakannya.



**Dua Tangan:**

Dua tangan yang saling bersambut adalah simbolik kepada kerjasama dan kecaknaan pimpinan kerajaan negeri Kelantan dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri antara pemimpin dan rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan kaum selaras dengan dasar negeri Kelantan iaitu Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

# 2. TULISAN

هاري كباجيقن نڬري كلنتن

**Tulisan jawi Hari Kebajikan Negeri Kelantan:**
Melambangkan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam mendaulatkan tulisan jawi yang merupakan identiti orang Melayu sejak dahulu lagi. Tulisan jawi mempunyai nilai yang tinggi dalam agama Islam kerana digunakan secara meluas dalam bidang kesenian khat Al-Quran yang merupakan rujukan dan manual hidup utama umat Islam.

**Hari Kebajikan**
**Negeri Kelantan**

**Tulisan rumi Hari Kebajikan Negeri Kelantan:**
Tulisan rumi sangat sinonim dengan masyarakat Melayu dan merupakan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Tulisan rumi yang menghiasi keseluruhan logo bertujuan menzahirkan budaya kemelayuan dan adat timur yang penuh sopan santun.

***Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam***

**Tulisan rumi Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam:**
Memaknakan tema yang mendasari konsep berkebajikan dalam aspek pemerintahan bukanlah semata-mata membawa maksud tanggungjawab kerajaan kepada rakyat, tetapi turut merangkumi tanggungjawab rakyat sesama rakyat dan tanggungjawab rakyat kepada kerajaan. Perkara ini harus dipupuk di dalam jiwa rakyat negeri ini agar dapat melahirkan sebuah negeri *"Baldatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur"* . Manakala slogan Membangun Bersama Islam merupakan satu gagasan yang telah dijadikan batu asas pentadbiran Negeri Kelantan sejak tahun 1990 selari dengan pengurusan serta pentadbiran yang telus bersulamkan taqwa.

# 3. WARNA

| | |
|---|---|
| | **Warna Putih:**<br>Warna putih yang menjadi latar belakang logo Hari Kebajikan Negeri Kelantan merupakan lambang kesucian dan keluhuran. Sesuai dengan sifat warna putih yang jernih dan bersih bertepatan dengan seruan Islam “kebersihan sebahagian daripada iman”. |
| | **Warna Hijau:**<br>Warna hijau yang mendasari tulisan jawi merupakan tema Hari Kebajikan Negeri Kelantan yang membawa maksud kedamaian, keikhlasan dan komunikasi sosial yang harmoni dalam berkebajikan. |
| | **Warna Merah:**<br>Warna merah yang mendasari tulisan rumi di dalam logo bertujuan menunjukkan keberanian, kemegahan dan kegigihan Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan gagasan Membangun Bersama Islam (MBI) yang sudah berdiri teguh selama 30 tahun. |
| | **Warna Hitam:**<br>Warna hitam yang mendasari tulisan rumi di dalam logo melambangkan kekuatan dan ketegasan dalam melaksanakan cara hidup Islam dalam seluruh aspek kehidupan. |
| | **Warna Kuning Keemasan:**<br>Warna kuning keemasan yang menghiasi simbol hati melambangkan sikap optimis, semangat dan ceria yang ingin dilahirkan dalam diri setiap individu yang menjalankan gerak kerja kebajikan. |

Penafian:
Pemilihan reka bentuk dan warna yang digunakan di dalam logo Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 adalah cetusan idea dan pilihan pihak penganjur iaitu Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang cuba memberi gambaran intipati kebajikan sekaligus menjadi gagasan kepada generasi akan datang dengan izin Allah SWT jua. Ia sekali-kali tidak bermaksud untuk memberi gambaran yang tidak realistik tentang Negeri Berkebajikan ini, namun U-KeKWa sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu dibaiki dalam melaksanakan dasar-dasar demi menggapai redha All- lah SWT.

# ATURCARA HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

Hari Pertama : **1 Rabiul Awal 1442H / 18 Oktober 2020 (Ahad)**

# PERSIDANGAN KEBAJIKAN ANTARABANGSA

| MASA | AKTIVITI | LOKASI |
|---|---|---|
| 8.00 pagi | Pendaftaran | Dewan Jamuan Utama |
| 9.00 pagi | Ucapan Pembukaan Majlis<br><br>Bacaan Ayat Suci Al-Quran<br><br>Ucapan Aluan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan | |
| 9.15 pagi | Pembentangan 1: **Konsep Kebajikan dalam Islam**<br><br>Pembentangan 2: **Sistem Waqaf Dalam Konteks Pembangunan Kebajikan Masyarakat : Pengalaman Hayrat Vakfi, Turki** | |
| 10.15 pagi | **Ucaptama YB Dato' Hjh Mumtaz Md. Nawi**<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan | |
| 11.00 pagi | Sesi Pembentangan Kertas Kerja 1-5 | |
| 12.30 t/hari | Bacaan Resolusi | |
| 1.00 petang | Bersurai | |

# ATUR CARA PERSIDANGAN KEBAJIKAN ANTARABANGSA

| | |
|---|---|
| 8.00 pagi | : Pendaftaran Masuk Peserta Ke Laman Zoom |
| 9.00 pagi | : Ucapan Pembukaan Majlis & Bacaan Doa<br>Oleh : **YBrs. Ustaz Zainudin Deraman**<br>Guru SMU (A) Tarbiah Mardiah Panchor |
| 9.05 pagi | : **Ucapan Aluan**<br>Oleh: **YBrs. Puan Ilvira Mohd Dasuki**<br>Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan |
| 9.15 pagi | : **Pembentangan 1**<br>Tajuk : **Konsep Kebajikan dalam Islam**<br>Oleh : **Datuk Wan Mohamed Sheikh Abdul Aziz**<br>Timbalan YDP Persatuan Ulama Malaysia dan Setiausaha Politik Menteri di JPM<br>(Hal Ehwal Agama) |
| 9.45 pagi | : **Pembentangan 2**<br>Tajuk : **Sistem Waqaf Dalam Konteks Pembangunan Kebajikan Masyarakat : Pengalaman Hayrat Vakfi, Turki**<br>Oleh : **Mr. Celal Akar**<br>Wakil Yayasan Hayrat Turki Malaysia |
| 9.50 pagi | : Ketibaan YB Dato' Hjh. Mumtaz Md. Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan |
| 10.15 pagi | : **Ucaptama YB Dato' Hjh. Mumtaz Md. Nawi**<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan |

11.00 pagi : **Sesi Pembentangan Kertas Kerja 1 : (Pengurusan dan Pembangunan Asnaf)**

Panel Pembentang:

i. **Pengurusan Kemiskinan**
Oleh: **Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail**
Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)

ii. **Perkongsian Pengalaman dalam Pengurusan Kemiskinan**
Oleh: **Haji Jamuliddin bin Elias**
Timbalan Presiden
Yayasan Amal Malaysia

iii. **Peranan Zakat dalam Pembangunan Asnaf**
Oleh: **Ustaz Mohamad Azmi bin Zakaria**
Pegawai Agihan Zakat, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

iv. **Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Pembangunan Wanita Kelantan**
Oleh: **Pn. Rosfatihah binti Che Mat**
Pensyarah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (UiTM)

v. **Pengurusan Kemiskinan Negeri Kelantan**
Oleh: **En. Mohd Roshdi bin Ismail**
Pengarah
Pejabat Pembangunan Negeri

**: Sesi Pembentangan Kertas Kerja 2:**
**(Pengurusan dan Pembangunan OKU)**

Panel Pembentang:

i. **Gagasan OKU Muqarrabun**
Oleh: **En. Mohammad Faizal Che Yusof**
Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)
Ahli Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan (MPON)
Pegawai Khas Timbalan Menteri (Hal Ehwal OKU)

ii. **Inisiatif Pembangunan OKU**
Oleh: **Dr. Haji Norakyairee Mohd Raus**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia

iii. **OKU Berdikari: Perkongsian Program Transformasi OKU**
Oleh: **Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim**
Ketua Unit Transformasi OKU, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, USM

iv. **Menjadi Majikan Buat OKU: Kelebihan dan Cabaran**
Oleh: **Prof. Madya Dr. Mohamed Saat Ismail**
Pengarah
Pusat Dialisis, Lestari dan Pengerusi Koperasi Warga USM Kelantan Berhad

v. **Hala Tuju Murid Berkeperluan Khas (MPK) Pada Perspektif Sektor Pendidikan Khas**
Oleh: **En. Mohd Zaidi Mohamed Nawi**
Penolong Pengarah
Sektor Pendidikan Khas, JPN Kelantan

: **Sesi Pembentangan Kertas Kerja 3: (Pengurusan dan Pembangunan Komuniti Warga Emas)**

Panel Pembentang:

i. **Mendepani Isu dan Cabaran Warga Emas di Malaysia**
Oleh: **Dr. Rusmailani Ab Aziz**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian OKU dan Warga Emas
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Negeri Kelantan

ii. **Impak Psikologi kepada Penjaga Warga Emas (Caretaker)**
Oleh: **Prof Madya Dr Asrenee Ab Razak**
Pakar Perunding Psikiatri
Pusat Pengajian Sains Perubatan
Universiti Sains Malaysia

iii. **Pengurusan Rumah Warga Emas berkonsepkan Pondok di Kelantan**
Oleh: **Ustaz Haji Hamdan Tuan Guru Haji Abdullah**
Timbalan Pengerusi merangkap Mudir
Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah

iv. **Kepimpinan Negara Islam: Kerangka Model Negara Tua 2030**
Oleh: **Pn. Siti Aishyah Sulaiman**
Ketua Pegawai Operasi
Pusat Kecemerlangan Pendidikan Ummah (PACU)

:

: **Sesi Pembentangan Kertas Kerja 4 :**
**(Pengurusan dan Pembangunan Komuniti Anak Yatim)**

Panel Pembentang:

i. **Pengurusan dan Pembangunan Anak Yatim**
Oleh: **Datuk Mohamad Haji Abdullah**
Mantan Hakim Mahkamah Rayuan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

ii. **Pendidikan dan Pengurusan Anak Yatim**
Oleh: **Dato' Dr. Abdul Razak Kechik**
Pengerusi Yayasan Kebajikan Anak Yatim Kelantan (YAATIM)

iii. **Pengurusan Geran Pertubuhan Sukarela Kebajikan**
Oleh: **Encik Mohamad Faizal Anuar**
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan

: **Sesi Pembentangan Kertas Kerja 5:**
**(Pengurusan Kesukarelawanan Kebajikan Sosial)**

Panel Pembentang:

i. **Pembangunan Kesukarelawanan Praktis Di Indonesia**
Oleh: **Yadual Nilfa Adriyanta**
Pengarah Rumah Relawan Jakarta Pusat

ii **Hiduplah Untuk Berbakti**
Oleh: **Encik Suhail Kamaruddin**
CEO Global Wellnes Foundation
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

iii **Pembangunan Kesukarelawanan Melalui Institusi Waqaf**
Oleh: **Encik Muhammad Ridhuan Tan Abdullah**
Eksekutif
Wakaf An-Nur Corporation Berhad

iv **Kerja Kesukarelawanan dalam Merealisasikan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan**
Oleh: **Pn. Ilvira Mohd Dasuki**
Pengarah U-KeKWa
Pengerusi
Pertubuhan Majlis Sukarelawan Rakyat Negeri Kelantan (MESRA)

12.30 t/hari : **Bacaan Resolusi**
Oleh: **Muhammad Aiman Saipullah**
Ahli Parlimen Belia Malaysia
Negeri Kelantan

1.00 t/hari : Bersurai

Hari Kedua : **2 Rabiul Awal 1442H / 19 Oktober 2020 (Isnin)**

# MAJLIS PERASMIAN PENUTUP HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN

| MASA | AKTIVITI | LOKASI |
|---|---|---|
| 2.00 petang | Pendaftaran dan Ketibaan Dif-dif Jemputan | Dewan Jamuan Utama |
| 2.30 petang | Ucapan Pembukaan Majlis<br><br>Bacaan Ayat Suci Al-Quran<br><br>**Ucapan Aluan**<br>YB Dato' Hjh. Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan | |
| 3.00 petang | **Ucapan Perasmian Penutup**<br>YB Dato' Hjh Siti Zailah Mohd Yusoff<br>Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | |
| 3.20 petang | **Gimik Perasmian Penutup**<br><br>**Pelancaran Skuad Kita Cakna (SKC) Mukim, Remaja & Cilik**<br><br>**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)**<br><br>**Penganugerahan Tokoh Hari Kebajikan Negeri** | |
| 4.50 petang | Sesi Fotografi | |
| 5.00 petang | Solat Asar, Makan Petang dan Bersurai | |

# ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN 2020

| | |
|---|---|
| 2.00 petang | : Pendaftaran dan Ketibaan dif-dif Jemputan |
| 2.15 petang | : Ketibaan Tetamu Kehormat<br><br>YB Dato' Hjh Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan<br><br>YB Dato' Hjh Siti Zailah Mohd Yusoff<br>Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| 2.30 petang | : Ucapan Pembukaan Majlis |
| 2.35 petang | : Bacaan Ayat Suci Al-Quran<br>(Surah Al-Balad Ayat 1-20)<br>Oleh: **YBhg. Ustaz Abdul Bari bin Abdullah Imam Masjid Sultan Al-Sultan Ismail Petra Kubang Kerian** |
| 2.45 petang | : **Ucapan Aluan**<br>YB Dato' Hjh Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan |
| 3.00 petang | : **Ucapan Perasmian Penutup**<br>YB Dato' Hjh Siti Zailah Mohd Yusoff<br>Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| 3.20 petang | : **Gimik Perasmian Penutup Hari Kebajikan Negeri Kelantan**<br><br>: **Pelancaran Skuad Kita Cakna (SKC) Mukim, Remaja & Cilik** |

3.35 petang : **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)**

i. Kerajaan Negeri Kelantan dengan UMK
ii. Kerajaan Negeri Kelantan dengan USM

4.00 petang : **Penganugerahan Tokoh Hari Kebajikan Negeri**

1. Anugerah Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan (Kategori Cakna OKU)

2. Anugerah Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan (Kategori Cakna Armalah)

3. Anugerah Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan (Kategori Cakna Anak Yatim)

4. Anugerah Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan (Kategori Cakna Asnaf Miskin)

5. Anugerah Tokoh Kebajikan OKU Muqarrabun

6. Anugerah Tokoh NGO Kebajikan Antarabangsa

7. Anugerah Tokoh Amilin Kebajikan (Lelaki)

8. Anugerah Tokoh Amilin Kebajikan (Wanita)

9. Anugerah Tokoh Khidmat Kebajikan

10. Anugerah Ikon Viral Cakna OKU

11. Anugerah Ikon Sukarelawan Kebajikan

12. Anugerah Tokoh Cakna Kebajikan (Kategori NGO Cakna)

13. Anugerah Tokoh Cakna Kebajikan (Kategori NGI Cakna Lelaki)

14. Anugerah Tokoh Cakna Kebajikan (Kategori NGI Cakna Wanita)

15. Anugerah Ikon Viral Kebajikan

4.50 petang : Sesi Fotografi

5.00 petang : Solat Asar, Makan Petang dan Bersurai

3 Hal Pusaka Kebajikan:

1. Merahsiakan Keluhan
2. Merahsiakan Musibah
3. Merahsiakan Sedekah

HR. Thabrani

# DASAR BERKEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN

## PENDAHULUAN

Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang ditadbir oleh kerajaan yang meletakkan Dasar Membangun Bersama Islam sebagai batu asas pemerintahan. Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan ini merupakan satu dasar yang menyeluruh yang digubal bagi melaksanakan dasar utama tersebut. Di dalamnya merangkumi semua aspek kehidupan sejahtera duniawi mahupun ukhrawi dan ia secara langsung mendasari kandungan Islam itu sendiri. Penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan ini menggambarkan halatuju pelaksanaan dan aspirasi kerajaan dalam menentukan halatuju pembangunan negeri secara kerjasama antara pemimpin dan rakyat bagi membangunkan Kelantan sejahtera dan diredhai Allah SWT.




Buku Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat

## PROSES PENGGUBALAN DASAR BERKEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN

Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan telah dibangun secara kolektif melalui pemantapan nilai-nilai murni seperti menyebarluaskan konsep "ta'awun" (tolong-menolong) dan menggalakkan sikap berlumba berbuat kebajikan dalam masyarakat, membela dan membangun golongan 'dhuafaa' (lemah) dan orang kurang upaya serta menjaga kebersihan, menitikberatkan keselamatan, saling menghormati dan membudayakan kesejahteraan dalam bermasyarakat.

Justeru, satu Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan telah digubal pada 3 Ogos 2015. Dasar ini dirangka bagi membimbing dan membantu serta menyuburkan cara hidup berkebajikan ke arah kesejahteraan demi mencapai "Baldatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur" ("negeri kamu ini adalah negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun."). Penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan telah melalui beberapa proses daripada siri mesyuarat, sehinggalah sidang pakar. Maka, satu Jawatankuasa Panel Penggubal yang terdiri daripada pakar-pakar dalam setiap bidang terbabit telah dibentuk.



Mesyuarat Penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat 2013

Panel Penggubal dipengerusikan oleh YB Dato' Hjh Mumtaz Md. Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan dan ahlinya terdiri daripada Timbalan Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri, Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Pengarah Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan (UPWK), Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Timbalan YDP Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKM), Pengarah Pembangunan Negeri, Pengerusi Kursus Elektif, Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM, Pengarah Ki-faalah Sdn. Bhd., Timbalan Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali, Peguam Syarie Kelantan, Pensyarah KIAS, Pensyarah Fakulti Undang-Undang UKM, YDP Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan, Pengerusi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan DUN, dan individu serta NGO berkaitan.

## MATLAMAT PELAKSANAAN

1. Melaksanakan konsep Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan(UMI) di dalam program kebajikan.

2. Menjadikan dasar ini sebagai sumber rujukan di dalam pelaksanaan program berkebajikan mengikut maqasid syariah dan keutamaan (Dharuriyyat, Hajiyat, Tahsiniyyat).

3. Memberi kesedaran untuk membangunkan prasarana, sistem sokongan,potensi diri dan kemandirian golongan sasar.

4. Membina dan menambah baik sistem bantuan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan kebolehpercayaan di semua peringkat.

5. Melahirkan sukarelawan dan dermawan bagi menyuburkan budaya berkebajikan dalam masyarakat.

## KESIMPULAN

Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat menunjukkan usaha dan komitmen kerajaan negeri Kelantan untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Usaha ini selari dengan beberapa dalil Al-Quran dan Al-Sunnah yang memperlihatkan betapa indah dan luasnya istilah kebajikan dan kesejahteraan. Hakikat ini telah menggambarkan bahawa kebajikan dan kesejahteraan dalam Islam membawa makna yang syumul dan merangkumi pelbagai aspek.

# JUSTIFIKASI TOKOH & IKON HKN 2020

Pencalonan perlulah mematuhi dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia sebelum mencalonkan atau menghantar borang pencalonan. Berikut merupakan kriteria-kriteria umum dan khusus yang telah ditetapkan mengikut kategori.

**KRITERIA UMUM PENCALONAN:**

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan (sekurang-kurangnya lima tahun), kecuali kepada kakitangan dan ahli keluarga kakitangan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan.

2. Setiap penyertaan hendaklah melalui borang pencalonan yang telah disediakan dan boleh dicetak semula oleh calon.

3. Setiap calon hanya layak untuk satu kategori pencalonan sahaja.

4. Setiap pencalonan hendaklah diserahkan bersama borang penyertaan dan sekeping gambar berukuran passport dan 3R.

5. Bagi kategori tokoh, calon mestilah berumur 40 tahun dan ke atas, manakala kategori ikon mestilah berumur 39 dan ke bawah.

6. Calon mestilah menganggotai mana-mana badan kebajikan ATAU aktif di dalam aktiviti kebajikan dan kesukarelaan.

7. Borang yang telah lengkap diisi perlu diserahkan kepada pihak Sekretariat Hari Kebajikan selewat-lewatnya pada 2 Mac 2020.

8. Keputusan panel penilai adalah muktamad.

Bersempena Sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020, buat julung kalinya Kerajaan Negeri akan memberikan Anugerah Tokoh Kebajikan Kelantan kepada lima belas (15) penerima yang dipilih dari seluruh pelosok negeri mengikut kategori masing-masing.

Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan (Cakna OKU)
Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan(Cakna Armalah)
Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan(Cakna Anak Yatim)
Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan(Cakna Asnaf Miskin)
Tokoh Kebajikan OKU Muqarrabun
Tokoh NGO Kebajikan Antarabangsa
Tokoh Amilin Kebajikan (L & P)
Tokoh Khidmat Kebajikan
Tokoh Cakna Kebajikan (NGO Cakna)
Tokoh Cakna Kebajikan (NGI Cakna) (L & P)

Selain itu, sebanyak tiga (3) kategori Anugerah Ikon Kebajikan Kelantan juga akan dianugerahkan kepada tiga orang penerima yang terpilih. Kategori yang dimaksudkan adalah:

Ikon Sukarelawan Kebajikan
Ikon Viral Cakna OKU
IKon Viral Kebajikan

Penganugerahan Tokoh dan Ikon Kebajikan Negeri Kelantan adalah bentuk pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada individu dan organisasi yang telah berusaha dan bersedia membantu golongan yang lebih memerlukan tanpa mengira waktu dan keadaan. Penzahiran ini penting bagi memberi suntikan semangat dan menggalakkan lebih ramai masyarakat khususnya belia dan beliawanis terlibat di dalam aktiviti kebajikan dan kesukarelaan.

## KRITERIA KHUSUS PENCALONAN TOKOH DAN IKON:

### A. TOKOH AKTIVIS CAKNA KEBAJIKAN (CAKNA OKU)

1. Memberi sumbangan yang besar dalam bidang kebajikan terutamanya berkaitan OKU tanpa mendapat manfaat secara peribadi.
2. Keutamaan kepada calon yang pernah menerima anugerah dalam bidang pemerkasaan OKU
3. Menjadi inspirasi dan ikon kepada masyarakat setempat dalam bidang khidmat sosial.

### B. TOKOH AKTIVIS CAKNA KEBAJIKAN (CAKNA ARMALAH)

1. Memberi sumbangan yang besar dalam bidang kebajikan terutamanya berkaitan armalah tanpa mendapat manfaat secara peribadi.
2. Berkhidmat di dalam bidang kebajikan secara formal dan tidak formal.
3. Berinisiatif menganjurkan program kebajikan dengan daya upaya sendiri bagi membantu golongan armalah di Negeri Kelantan.

### C. TOKOH AKTIVIS CAKNA KEBAJIKAN (CAKNA ANAK YATIM)

1. Memberi sumbangan yang besar dalam bidang kebajikan terutamanya anak yatim berkaitan tanpa mendapat manfaat secara peribadi.
2. Membantu sebilangan besar anak yatim di Negeri Kelantan dari sudut pendidikan dan keperluan harian.
3. Menggalakkan program jati diri anak yatim di peringkat DUN mahupun nasional.

### D. TOKOH AKTIVIS CAKNA KEBAJIKAN (CAKNA ASNAF MISKIN)

1. Memberi sumbangan yang besar dalam bidang kebajikan terutamanya berkaitan asnaf miskin tanpa mendapat manfaat secara peribadi.
2. Bergiat secara aktif di dalam aktiviti dan program sukarelawan di peringkat DUN, parlimen dan negeri bagi membantu golongan asnaf.
3. Menyediakan peluang pekerjaaan kepada warga asnaf untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan sasar.

### E. TOKOH AKTIVIS KEBAJIKAN OKU MUQARRABUN

1. Memperjuangkan komuniti OKU dii Malaysia khususnya dari pelbagai sudut.
2. Berinisiatif menganjurkan aktiviti dan program kebajikan dan kemahiran bagi meningkatkan taraf sosial golongan OKU.
3. Keutamaan kepada calon yang pernah menerima pengiktirafan dan anugerah daripada jabatan dan badan kebajikan.

### F. TOKOH NGO KEBAJIKAN ANTARABANGSA

1. NGO yang berdaftar secara sah.
2. Memberi sumbangan yang bermakn kepada negara dalam bidang kebajikan.
3. Menjadi penghubung di antara pihak penyumbang dan golongan sasar melalui penganjuran program kebajikan.
4. Keutamaan kepada NGO yang pernah menerima pengiktirafan dan penghargaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

### G. TOKOH AMILIN KEBAJIKAN

1. Menguruskan hal ehwal kebajikan masyarakat.
2. Berkecimpung secara aktif dalam bidang sukarelawan sekurang-kurangnya 5 tahun.
3. Pernah menerima pengiktirafan dan anugerah daripada badan- badan kerajaan dan NGO kebajikan.
4. Pencalonan mestilah melalui pihak PKD atau ADUN setempat.

### H. TOKOH KHIDMAT KEBAJIKAN

1. Begiat di dalam program sukarelawan dan kemasyarakatan sekurang-kurangnya 5 tahun.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi di dalam program yang dianjurkan oleh jabatan dan NGO kebajikan.
3. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna kepada semua lapisan masyarakat.

### I. IKON VIRAL CAKNA OKU

1. Mempunyai inisiatif memajukan OKU menerusi platform media sosial yang mengetengahkan bakat komuniti OKU.
2. Menerima anugerah dan pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri dalam bidang pemerkasaan OKU khususnya di Negeri Kelantan.
3. Menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi dalam dunia kebajikan untuk memartabatkan keupayaan OKU ke tahap paling optimum.

### J. IKON SUKARELAWAN KEBAJIKAN

1. Berkecimpung secara aktif dalam bidang sukarelawan dan khidmat sosial di pelbagai peringkat.
2. Pernah menyertai misi kemanusiaan bersama NGO kebajikan tanpa mendapat manfaat secara peribadi.
3. Menjadi ikon dan ikon kepada masyarakat setempat dalam bidang kemasyarakatan dan kesukarelaan.

### K. TOKOH CAKNA KEBAJIKAN (NGO CAKNA)

1. NGO yang berdaftar secara sah.
2. Menjadi badan penggerak kebajikan dengan menganjurkan aktiviti dan program kebajikan kepada golongan sasar.
3. Tersenarai di antara NGO yang aktif dan pernah mendapat pengiktirafan daripada pihak berkaitan.
4. Terlibat di dalam misi kemanusiaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

### L. TOKOH CAKNA KEBAJIKAN (NGI CAKNA)

1. Terlibat secara aktif sebagai aktivis masyarakat di peringkat tempatan dan nasional.
2. Memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negeri dalam bidang kebajikan.
3. Menunjukkan komitmen dan prestasi yang cemerlang dalam bidang yang diceburi.
4. Mempunyai inisiatif dan daya usaha untuk mengangkat komuniti asnaf, anak yatim dan golongan yang memerlukan.

# BIOGRAFI TOKOH & IKON HKN 2020



توكوه اكتيويس چقنا كباجيقن

TOKOH AKTIVIS KEBAJIKAN

# KATEGORI CAKNA OKU

Profesor Madya Dr. Hj Mohamed Saat bin Hj Ismail telah dilahirkan pada tanggal 7 September 1959 merupakan seorang pesara pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM). Hasil perkongsian hidup dengan pasangan Zakiyah binti Rejab, mereka telah dikurniakan 9 orang cahaya mata. Memulakan kerjaya sebagai pembantu farmasi, beliau menunjukkan pencapaian yang cemerlang apabila bersara sebagai pensyarah berpangkat Profesor Madya. Walaubagaimana-pun sumbangannya dalam bidang perubatan tidak terhenti sekadar itu apabila 5 orang anaknya turut berkecimpung di dalam bidang yang sama.

Tokoh Aktivis Cakna OKU ini mendedikasikan hidupnya di dalam dunia pendidikan apabila menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Fisiologi Senaman di Universiti Kyushu, Jepun. Bermula dengan Sijil Teknologi Makmal Perubatan di Universiti Sains Malaysia (USM) selepas menamatkan pengajian di peringkat menengah, beliau kemudiannya menyambung pengajian dalam jurusan Perubatan Tropika sebelum menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Bio Perubatan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Tidak jemu menimba ilmu, beliau meneruskan perjalanan pendidikannya di peringkat Sarjana dalam bidang Sains Sukan di USM sebelum tamat dengan segulung Ijazah Kedoktoran.

Beliau kini memfokuskan khidmat kepada Pusat Pengajian Sains Sukan sebagai penasihat Unit Transformasi OKU. Di bawah bimbingan beliau, pelbagai projek telah dilaksanakan menerusi projek transformasi OKU bertujuan memperkasakan komuniti OKU. Antara projek yang terlibat adalah Pusat Kecergasan Seumur Hidup, Projek Latihan Pekerjaan OKU-Intelek, Projek Modifikasi Khas Kerusi Roda, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Projek Pertanian Komersial OKU Intelek, Rumah Ngaji OKU Intelek, Projek Komuniti Persembahan, Pusat Jualan Produk Pertanian, Forget Me Not Café and Florist, Pusat Latihan Pekerjaan OKU Masalah Pembelajaran (Pertanian) JKM-USM, Pusat Sehenti Transformasi OKU USM-MAIK dan Pusat Latihan 3P (Pertanian, Perikanan & Penternakan). Hasilnya beliau telah mengangkat imej Unit Transformasi OKU PPSK sehingga ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Menerusi penubuhan Koperasi Warga USM Kelantan Berhad (COOPUSMA) dan Koperasi Cakna OKU Kelantan Berhad, telah berjaya menyediakan peluang kerjaya kepada 6 orang anak OKU membangunkan keupayaan diri dan memajukan status sosial mereka. Mereka tel ah diambil bekerja di Pasaraya, Kopitiam dan Pusat Dialisis USM setelah tamat Latihan Pekerjaan OKU-Intelek. Sosok beliau sebagai pejuang masyarakat khususnya golongan OKU telah mengangkat beliau sebagai pencetus idea dan perunding oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam hal ehwal berkaitan asnaf dan OKU di negara ini. Kegigihan usaha dan motivasi yang tinggi ini telah terbukti apabila beliau berjaya mentransformasikan komuniti OKU daripada status liabiliti kepada produktiviti.

"Bukan Sekadar Bicara", itulah kalimah keramat yang sering meniti di bibir beliau sebagai asas pegangan dan aspirasi dalam mendepani cabaran semasa. Ketekunan beliau telah mendapat pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Negeri apabila dinobat sebagai Tokoh OKU Muqarabun semasa Sambutan Hari OKU Negeri Kelantan pada tahun 2017.

Beliau juga pernah menerima Anugerah Sangar Sanjung iaitu Anugerah Khidmat Masyarakat daripada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Anugerah Sukan Untuk Semua (ASUS) Bagi Kategori Anugerah Khas Asus Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Selain pencapaian dalam bidang kemasyarakatan, beliau juga merupakan penerima Anugerah Tokoh Koperasi Negara Peringkat Negeri Kelantan, Anugerah Penolong Pesuruhjaya RELA (Bersekutu), dan menerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota.

Berkat usaha yang ditunjukkan, beliau telah diberi kepercayaan oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dengan diberi dana berjumlah RM400,000.00 untuk membina Pusat Sehenti Transformasi OKU, USM membantu memperkasakan golongan OKU. Beliau yakin di sebalik kekurangan mereka sebenarnya mereka mampu berdikari dan berbakti kepada keluarga dengan cara mereka sendiri. Perjuangan yang bermula atas dasar minat ini akhirnya menjadi kerjaya sepenuh masa yang tiada titik noktahnya. Pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit untuk memanfaatkan keupayaan dan kebolehan OKU sebagai sumber manusia akhirnya membuahkan hasil apabila beliau telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan (Cakna OKU) dalam Sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan pada tahun ini.



توکوه اکتيؤيس چقنا کباجيقن

TOKOH AKTIVIS KEBAJIKAN

# KATEGORI CAKNA ARMALAH

Saibon bin Ismail atau lebih dikenali sebagai Ustaz Saibon merupakan anak jati Kelantan yang telah dilahirkan pada tanggal 6 Januari 1970. Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama Nik Salwani binti Idris yang merupakan suri rumah sepenuh masa. Hasil perkahwinan, telah dikurniakan 6 cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Gemang, Jeli Kelantan sebelum melanjutkan pengajian peringkat menengah di Sekolah Menengah Ugama Arab Al-Sabirin Ayer Lanas dan berjaya menamatkan pengajian menengah dengan Sijil Tinggi Agama (STU) di Maahad Muhammadi Lelaki, Pengkalan Chepa.

Pencapaian yang cemerlang di peringkat sekolah telah melayakkan beliau untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Ummul Qura, Arab Saudi dalam bidang Pengajian Bahasa Arab pada tahun 1992. Selepas menamatkan pengajian di luar negara, beliau akhirnya pulang ke tanah air dengan membawa segulung ijazah daripada intitusi yang sama dalam jurusan Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Pendirian yang teguh terhadap bidang keagamaan telah membentuk *jil Al-Quran* (generasi al-Quran) apabila anak-anaknya memilih intitusi dan sekolah agama sebagai wadah untuk menimba ilmu khususnya dalam bidang Qiraat.

Ustaz Saibon memulakan kerjaya sebagai Guru Yayasan Islam Kelantan selama 2 tahun sebelum berkhidmat di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) sebagai Penolong Pengarah Penguatkuasa Undang-Undang Syariah. Sepanjang 12 tahun menabur bakti, beliau telah diberi pengiktirafan apabila menerima Anugerah Khidmat Cemerlang, dan Anugerah Darjah Kebesaran daripada Kerajaan Negeri Kelantan. Kini, beliau masih berkhidmat sebagai Pegawai Agama di Pejabat Agama Daerah Tanah Merah selain turut dijemput menyampaikan ceramah dan kuliah agama di masjid-masjid.

Kesibukan menjalankan tugas tidak menghalangi beliau untuk membela mereka yang kurang bernasib baik. Bukti kecaknaan beliau dizahirkan melalui penubuhan Tabung Kebajikan Anak Yatim dan Orang Miskin,Tabung Cakna dan Tabung Sedekah di masjid-masjid bagi mengumpul dana untuk membantu golongan yang memerlukan. Menerusi pelancaran tabung ini, beliau telah membantu seramai 35 orang anak yatim dari sudut pendidikan dan meringankan beban 30 buah keluarga miskin dengan menyalurkan bantuan keperluan rumah. Selain itu juga, beliau turut membantu 50 orang pelajar asnaf di Kemboja sejak lima tahun yang lalu tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

Menyedari keperluan dan kepentingan mempelajari Al-Quran, beliau komited mengasaskan 12 buah kelas Pengajian Al-Quran secara percuma kepada 300 orang kanak-kanak yang tidak berkemampuan dan membiayai elaun para *asatizah* semenjak 3 tahun lalu. Jiwa pemurah yang dimilikinya telah membawa beliau kepada kejayaan membangunkan beberapa buah masjid yang diberi nama Masjid Ar-Raudhah, Masjid Umair, Masjid Khairiah, Masjid Al-Asriyyah dan sebuah lagi masjid di perkampungan Orang Asli, Gua Musang. Sumbangan terbesar beliau sehingga layak dinobat sebagai penerima Anugerah Tokoh Aktivis Cakna Kebajikan bagi kategori Cakna Armalah ialah pembinaan rumah ibu tunggal.

Sehingga hari ini beliau telah membina 2 buah rumah kepada armalah miskin dan dalam usaha untuk membina rumah ketiga di Gual Ipoh. Beliau telah menginfakkan masa, tenaga dan wang ringgit untuk menyediakan persekitaran dan kediaman yang selesa kepada para armalah dan asnaf miskin yang memerlukan tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran melainkan mencari redha Allah semata-mata.



توكوه اكتيويس كباجيقن

TOKOH AKTIVIS KEBAJIKAN

# KATEGORI CAKNA ANAK YATIM

Sosok tubuh ini telah mengangkat kerja-kerja kebajikan dan khidmat sukarela menjadi satu komitmen dan kewajipan dalam kehidupan beliau. Kecaknaan pada dunia kebajikan terutamanya anak yatim dan wanita telah membuatkan beliau menjadi pengasas kepada beberapa buah rumah anak yatim dan pusat perlindungan wanita.

Beliau yang dimaksudkan ialah Mohd Nazry bin Mohamad Nor, dilahirkan pada tanggal 27 Januari 1970 di Kampung Permatang Rambai, Pasir Puteh Kelantan. Mendapat Pendidikan awal di Maahad Saniah Pasir Puteh sebelum menyambung pelajaran peringkat diploma di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Nilam Puri dalam bidang Usuluddin dan Da'wah. Kecintaan yang mendalam pada ilmu membuatkan beliau terbang ke bumi Anbiya Mesir bagi menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar Mesir Cawangan Tanta pada tahun 2003 sehingga 2005. Setelah beberapa tahun pulang dari Mesir beliau menyambung pengajian dalam bidang Pendidikan di Universiti Utara Malaysia. Setelah 16 tahun menyelusuri rumah tangga bersama suri hatinya Maznah binti Daud, mereka dikurniakan 10 orang cahaya mata. Menjadi seorang isteri yang berkongsi insan tersayang dengan ummah bukanlah sesuatu yang mudah namun dengan kesabaran dan sokongan suri hatinya membuatkan beliau terus komited untuk melakukan kerja-kerja kebajikan.

Beliau memulakan perjalanan kerjayanya sebagai guru di sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada tahun 2006. Setelah 5 tahun berkhidmat, beliau mengambil keputusan untuk bersara dari dunia pendidikan dan membuka sebuah syarikat konsultan yang diberi nama *Darul Atiq Consultant* yang berpusat di Kota Bharu. Jiwa pendidik yang masih berkobar dalam dirinya telah membawa kepada penubuhan Sekolah Rendah Integrasi Teras Darul Atiq di Pasir Puteh pada tahun 2016.

Pada awal penglibatan dalam bidang kebajikan, beliau telah mengasaskan tujuh buah rumah anak yatim, antaranya ialah Rumah Anak Yatim Lilbanat (Perempuan) Darul Naim (RAYLD), Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Siti Aminah, Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Sri Peraksi, Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Darul Huffaz, Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Al-Qamariah, Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Baitul dan Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Dhuafa' Darul Mizan di beberapa jajahan di Negeri Kelantan.

Fokus beliau tidak hanya terarah kepada golongan anak yatim dan dhuafa', beliau juga prihatin dengan nasib wanita dan warga emas sehingga tertubuhnya Pusat Pemulihan dan Perlindungan Wanita Raudhatus Saadah Al-Fatimah Center (RSC) dan Pondok Sejahtera Gong Anak Nyoir yang terletak di Teloson Pasir Puteh Kelantan. Sumbangan dan penglibatan beliau dalam masyarakat menjadikan dirinya seorang tokoh yang wajar diteladani oleh setiap lapisan masyarakat.



توكوه اكتيويس چقنا كباجيقن

TOKOH AKTIVIS KEBAJIKAN

# KATEGORI
# CAKNA ASNAF MISKIN

Jurutera Profesional ini telah dilahirkan pada tanggal 21 Ogos 1978 di Kota Bharu Kelantan dan mendirikan rumahtangga bersama Rozila binti Mohd Roslan dan Zurawati binti Zulkifli. Hasil perkahwinan, beliau telah dikurniakan lima orang cahaya mata yang berusia antara 8 hingga 16 tahun. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Ismail 1 sebelum mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Maktab Rendah Sains Mara Pengkalan Chepa. Meneruskan perjuangan di dalam bidang pendidikan, beliau kemudiannya mengambil jurusan Kejuruteraan Elektrik di University Of Sheffield, England pada tahun 2000.

Sesuai dengan pengurniaan Anugerah Pelajar Serba Boleh, Meor Shamshir bin Meor Zulkifli Auni telah membuktikan kebolehan diri dalam bidang kejuruteraan elektrik dan merupakan aktivis sosial pada masa yang sama. Selepas tamat pengajian, beliau berkhidmat di syarikat Hikmat Ikhlas Sdn. Bhd. dan *KNS Consultant Sdn. Bhd.* sebagai saluran untuk memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari dalam bidang kejuruteraan. Selepas 10 tahun menabur bakti kepada syarikat majikan, beliau menubuhkan syarikat sendiri yang diberi nama *PDE Partnership Sdn. Bhd.* pada tahun 2010. Kepakaran beliau di dalam bidang kejuruteraan terserlah apabila beliau kepercayaan untuk memegang amanah sebagai Setiausaha *The Institution of Engineers Malaysia* Cawangan Kelantan di samping jawatan Pengerusi Tetap Persatuan Kelab-kelab Belia MAYC Kebangsaan.

Beliau mula dikenali di dalam dunia kebajikan dan kesukarelaan apabila beliau menubuhkan Kelab Kebajikan Asnaf Kelantan (KKAK) pada 24 Jun 2015 yang beralamat di Tanjong Mas, Kota Bharu. Penamaan Rumah Asnaf mencetuskan aura "self of belonging" iaitu perasaan kekitaan sesama warga asnaf yang hadir menjayakan program yang dianjurkan KKAK. Selaras hasrat untuk membantu golongan asnaf miskin, beliau telah menggerakkan program Dapur Asnaf, Klinik Asnaf, Ziarah Asnaf, Jaya Diri Asnaf, Iftar Asnaf, Free Market, Back 2 School dan Kelas Pengajian Akademik dan Al-Quran untuk membantu golongan miskin dari pelbagai sudut.

Menerusi program Dapur Asnaf, 700 keluarga asnaf yang berdaftar daripada 20 DUN telah diraikan dengan jamuan makan pada hari Jumaat setiap minggu. Menurut Pengerusi KKAK, tunjang kelestarian kewangan dan kesedaran bagi program-program yang dijalankan adalah melalui kuasa viral dimana kisah penderitaan dan penyampaian sumbangan disiarkan menerusi aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp*. Runah Asnaf juga menjadi platform kepada pihak ketiga yang ingin memberi atau menyampaikan sumbangan kepada para asnaf yang hadir dalam program tersebut. Beliau juga membuat kolaborasi dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) untuk memasukkan segmen keagamaan sebagai pengisian rohani kepada warga asnaf.

Keprihatinan beliau terhadap golongan asnaf tidak hanya bersifat fizikal semata-mata bahkan turut menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling serta kelas pengajian akademik dan Al-Quran kepada anak-anak asnaf secara percuma pada setiap hari Jumaat. Tenaga pengajar adalah dipilih daripada sukarelawan yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan. 'Back 2 School' merupakan program yang diadakan menjelang sesi persekolahan baru pada setiap tahun dimana 500 orang pelajar asnaf disantuni melalui sumbangan peralatan, pakaian

sekolah dan pembiayaan yuran pengajian bagi ibu bapa yang tidak berkemampuan. Tidak mahu warga asnaf terus bergantung kepada ihsan masyarakat, beliau mengambil inisiatif menyediakan kursus kemahiran pembuatan produk dari rumah seperti roti dan pizza. Ini bertujuan untuk memberi dan membekalkan peserta dengan kemahiran menghasilkan produk, ilmu pemasaran dan menguruskan akaun kira-kira sekaligus meningkatkan taraf ekonomi.

Berkonsepkan "pasar lambak", Encik Meor Shamshir mewujudkan program jual beli yang tidak menggunakan wang ringgit dimana para asnaf yang memerlukan barang keperluan rumah dan pakaian boleh mendapatkannya secara terus daripada penyumbang tanpa perlu membayar sejumlah wang. Menjelang bulan Ramadhan, beliau dan petugas Rumah Asnaf akan bekerjasama menyiapkan 1000 bungkus nasi untuk diagihkan kepada warga setempat dan kakitangan Hospital USM dan HRPZ II yang terdiri daripada golongan yang memerlukan. Usaha murni beliau telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Kelantan apabila dinobat sebagai penerima Anugerah Khidmat Sosial Kelantan IEM Kelantan, Ikon Majlis Belia Kelantan dan tersenarai di dalam *Malaysia Book of Records* pada tahun 2016.



## توكوه كباجيقن اوكيو مقربون

## TOKOH KEBAJIKAN OKU MUQARRABUN

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Walaupun dilahirkan dengan masalah penglihatan, namun semua itu bukanlah faktor penghalang bagi Mohammad Faizal bin Che Yusof untuk memilih kerjaya peguam dan memiliki firma guamannya sendiri iaitu Tetuan Faizal Azmawani & Co di Kota Bharu, Kelantan. Beliau yang merupakan bekas graduan Universiti Malaya dalam bidang undang-undang ini lantang menyatakan pendiriannya melalui penyerahan memorandum Bangkit kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada tahun 2015 bertujuan menuntut pindaan Perkara 8, 12 Perlembagaan Persekutuan dan penyerahan memorandum Pengupayaan OKU kepada Kerajaan Malaysia demi memartabatkan dan memperkasakan golongan yang senasib dengannya. Walaupun berdepan kesukaran dan perlu bergantung kepada bantuan orang lain untuk bergerak, beliau tetap bersemangat untuk membawa suara OKU dari peringkat akar umbi.

Keterampilan beliau sudah terserlah semenjak bangku persekolahan lagi apabila dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Kebangsaan bagi peperikasaan SPM dan STPM serta menjuarai Pertandingan Syarahan Peringkat Wilayah Pesekutuan. Pencapaian dalam bidang akademik dizahirkan dengan penganugerah *Golden Key* pada tahun 1998.

Beliau yang kini menggalas jawatan Yang Dipertua Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) merangkap Ahli Majlis Penasihat OKU Negeri, Kerajaan Negeri Kelantan (MPON) aktif menjalankan program-program dan latihan bersesuaian sebagai alternatif untuk mengembangkan keupayaan diri komuniti OKU di negeri ini. Penglibatan beliau bersama NGO-NGO OKU telah bermula semenjak tahun 2000 sehingga hari ini.

Menurut beliau, cabaran terbesar sebagai OKU adalah persepsi masyarakat yang keliru di antara hak dan empati. Oleh itu, beliau sentiasa mengambil peluang menghadiri perbincangan dan perundingan berkaitan hak asasi manusia seperti persidangan *National Human Right Action Plan* dan Forum *Persons With Disabilities Act 2008: What Next?* untuk menggalakkan pembangunan OKU atas dasar hak (*right base*) yang sah di sisi perundangan, bukan lagi kebajikan (*charity base*). Tidak terhenti sekadar itu, beliau turut menyuarakan pendirian beliau melalui penulisan di ruangan akhbar dan blog serta menyampaikan ceramah motivasi di masjid-masjid.

Selaras dengan misi PERTIS untuk memartabatkan Islam dalam kalangan OKU penglihatan, beliau tekad menganjurkan kelas-kelas pengajian Al-Quran Braille, kelas Fardhu Ain, ceramah dan bengkel pemantapan Islam secara berkala kepada seluruh warga OKU penglihatan. Selain itu juga, beliau turut mencetak dan mengedarkan Al-Quran Braille, Tafsir Pimpinan Al-Rahman dan Kitab Fiqh Shafie yang mengandungi bahan-bahan Islami untuk bacaan komuniti OKU penglihatan di seluruh cawangan PERTIS di Malaysia. Komitmen dan kerja keras beliau selama ini terbukti apabila Muhammad Qayyim Nizar Sarimi yang merupakan OKU penglihatan dinobatkan sebagai Johan Qari Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2020 dan penganjuran Khatam Perdana anjuran PERTIS telah direkodkan di dalam *Malaysia Book of Record*.

Walaupun telah mencapai sasaran yang diingini, Encik Faizal tetap komited menggerakkan program dan kursus jati diri yang bersesuaian dan patuh syariah bagi membangunkan *soft skill* komuniti OKU penglihatan sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa. Beliau yakin setiap individu mempunyai kebolehan dan keupayaan yang unik jika ia dibangunkan mengikut kaedah dan lunas-lunas yang betul. Tokoh OKU Muqarrabun ini wajar dicontohi dan dijadikan teladan kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan OKU.

## توكوه عين جي او كباجيقن انتارابڠسا

## TOKOH NGO KEBAJIKAN ANTARABANGSA

Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan adalah sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang ditubuhkan dan didaftarkan dibawah Akta Pertubuhan 1966 pada 28 Februari 2002 dengan nombor rujukan pendaftaran PPM-014-10-30052001. PPM/ KEL 1324/00(10). Beralamat di 2386 Tingkat Atas, Paya Bemban, Jalan Abdul Kadir Adabi, 15200 Kota Bharu, manakala Pertubuhan Induk beralamat di Lot 4459, Jalan Haji Muhammad Amin, 43000 Kajang, Selangor. Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan atau ringkasnya Yayasan Amal Kelantan menumpukan gerakerja yang berhubung dengan *Relief & Rehabilitation* (bantuan dan pemulihan), *Charity* (Kebajikan) dan *Education* (Pendidikan & Dakwah) di samping terlibat dengan kerja-kerja di kawasan bencana alam dan kemanusiaan, samada dalam mahupun luar negara.

Berpaksikan moto "Berkhidmat Untuk Kemanusiaan– Beramal Kerana Allah", Yayasan Amal Kelantan menumpukan sepenuh perhatian dan khidmat untuk membangunkan komuniti melalui pendidikan, kebajikan, kemanusiaan dan kemasyarakatan sekaligus melahirkan ahli dan sukarelawan terlatih yang menghayati dan mengamalkan Teras Budaya Amal.

Bagi melancarkan gerak kerja, Yayasan Amal Kelantan telah mewujudkan dua belas sektor yang mempunyai peranan dan fokus tersendiri, antaranya Hubungan Luar & Antarabangsa, Pusat Latihan & Latihan, Program Qurban, Wakaf Al-Quran, Pengurusan Bencana, Mikro Kredit, Relawan, Kesihatan, *Parenting Skill*, Pengurusan & Sekretariat, Kewangan & Pengurusan Aset dan IT, Media & Publisiti. Sejajar dengan misi penubuhannya untuk menjadi sebuah badan kebajikan (NGO) terkemuka bagi Zon Koridor Timur serta Selatan Thailand menjelang tahun 2025, Yayasan Amal Kelantan telah terlibat dengan pelbagai program dan inisiatif kebajikan yang bersifat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Pada peringkat awal penubuhannya, Yayasan Amal Kelantan hanya memfokuskan kepada aktiviti khidmat bersama masyarakat setempat dengan penganjuran aktiviti Ziarah Asnaf, Armalah, OKU, Anak Yatim dan menyantuni mangsa bencana yang telah dikenalpasti. Menerusi kutipan dana dan sumbangan daripada orang ramai, 3 buah rumah telah berjaya disiapkan untuk mangsa banjir di Manek Urai pada tahun 2016 dan program berbuka puasa bersama golongan asnaf, anak yatim dan mualaf di beberapa jajahan di seluruh Negeri Kelantan selain menjalankan aktiviti dakwah di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Komitmen dan usaha yang ditunjukkan oleh anggota organisasi dalam merealisasikan misi yayasan telah mengangkat nama organisasi ini di persada antarabangsa sekaligus menjulang nama Malaysia dan negeri Kelantan. Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan, Kerajaan Negeri Kelantan berbesar hati menobatkan Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan sebagai Tokoh NGO Antarabangsa pada tahun ini. Besar harapan kerajaan negeri untuk melihat kejayaan organisasi ini pada masa akan datang.



# توکوه عاملين کباجيقن

## TOKOH AMILIN KEBAJIKAN

Benarlah kata pepatah "apabila minat semuanya akan menjadi" . Begitulah kisahnya dengan Shamsuddin bin Mat Daud yang telah berjaya menyiapkan dua buah masjid dan sebuah bangunan pra sekolah dii Kampung Lubok Kawah Hulu dan Kampung Lubok Kawah Tengah, Pasir Mas Kelantan dek kerana minat yang mendalam dengan kerja-kerja kebajikan. Beliau yang lebih selesa disapa sebagai Hj Din telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Pohon Tanjung sebelum menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Lemah Pasir Mas, Kelantan.

Komitmen dalam bidang pendidikan disempurnakan dengan segulung ijazah daripada *Karachi University* dalam bidang *Microbiology*. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan pasangannya Che Noraini binti Che Sulaiman dan telah dikurniakan 3 orang cahaya mata yang masing-masing telah menamatkan pengajian dan memiliki kerjaya. Khidmat dalam dunia kebajikan bermula pada tahun  1984 menerusi penglibatan di dalam Badan Amal Kesejahteraan Insan Berhad. Menurut tokoh ini, minat dan tekad dalam kerja berkebajikan telah mendorong beliau untuk istiqamah membantu golongan yang memerlukan tanpa mengharapkan penghargaan dan balasan daripda sesiapa.

Meskipun disibukkan dengan tugasan sebagai Setiausaha Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), beliau tidak ketinggalan untuk menabur bakti di tanah tumpah darah. Pembinaan dua buah surau dan beberapa buah institusi pendidikan adalah bukti kecaknaan beliau terhadap keperluan masyarakat. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah pembinaan Surau Kg. Lubok Kawah Hulu, PASTI Darul Ulum, PASTI Al-Naim, dan dua buah Pusat Asuhan di Tanah Merah, Kelantan.

Melalui pelancaran Tabung Badan Amal Kesejahteraan Insan Bhd., beliau telah berjaya mengumpul dana dan sumbangan bagi membaik pulih surau-surau usang dan membuat penyerahan sumbangan kepada keluarga dhaif dan asnaf miskin yang telah dikenalpasti melalui hasil kutipan dana daripada orang ramai. Penglibatan beliau di dalam kerja kebajikan tidak terhenti sekadar itu apabila turut terlibat secara langsung di dalam projek pembinaan bangunan pusat pengajian tahfiz di Meolaboh, Indonesia yang bakal siap tidak lama lagi.

"Kerja sungguh-sungguh, ikhlas kerana Allah". Itulah kata-kata yang menjadi pegangan beliau untuk terus istiqamah di dalam medan ini walaupun tidak zahir di mata manusia. Semoga dengan pengurniaan Tokoh Amilin Kebajikan (Kategori Lelaki) ini dapat memberi inspirasi kepada masyarakat untuk berkecimpung dalam khidmat sosial.



## توكوه عاملين كباجيقن

## TOKOH AMILIN KEBAJIKAN

Berbekalkan iltizam dan semangat yang tinggi untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, melayakkan Cik Puan Naji Esah binti Hamzah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Tokoh Amilin Kebajikan kategori wanita yang mewakili seluruh DUN di Kelantan. Anak kelahiran Melor, Kota Bharu ini merupakan seorang Jururawat di HUSM. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Kala, seterusnya melanjutkan pelajaran ke SMU (A) Taqaddum Maarif dan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan memperolehi Diploma Kejururawatan di Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan. Minat yang mendalam dalam bidang kesihatan mendorong beliau untuk menyambung pelajaran dalam Diploma Lanjutan Kebidanan di Institut Latihan KKM Kuala Terengganu. Kesungguhan beliau dalam menjalankan tugas akhirnya berbaloi apabila berjaya memperolehi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2013 dan Anugerah Pelatih Cemerlang (Senarai Dekan) pada tahun 2018.

Kesibukan menguruskan kerja hakiki serta tugas mengurus ibu bapa yang merupakan warga emas bukanlah penghalang untuk beliau meneruskan khidmat untuk masyarakat. Beliau sangat komited dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan walaupun terpaksa mengeluarkan sumber kewangan sendiri.

Penglibatan beliau secara serius bermula sebagai sukarelawan dalam misi pasca banjir 2014 yang memberikan khidmat pembersihan rumah mangsa banjir disekitar Pasir Mas. Beliau turut menyantuni mangsa yang terjejas banjir pada tahun 2018 dan 2019 dengan mengagihkan makanan dan keperluan asas sekitar Machang, Kuala Krai, Gua Musang dan Rantau Panjang.

Bertekad untuk memanfaatkan ilmu dalam bidang kesihatan, beliau giat menjalankan aktiviti pemeriksaan kesihatan secara percuma dari rumah ke rumah untuk penduduk yang memerlukan di sekitar Kg Padang Kala, Kubang Edang dan sekitar selain berkhidmat sebagai sukarelawan kesihatan dalam misi kebajikan dan kesihatan anjuran badan-badan NGO seperti Medicom Malaysia, dan *Muslimat Medical* (MusMed) di seluruh Malaysia sejak 2015 lagi.

Beliau pernah diundang menjadi panel jemputan dalam program pengurusan langkah-langkah bersalin yang selamat kepada penduduk Pulau Mabul yang tiada kemudahan klinik dan hospital. Melalui NGO Medicom Malaysia, beliau berkhidmat di bawah Pusat Komuniti Medicom Kg Bahagia, Kuala Krai yang bertanggungjawab membantu dalam memberi khidmat kesihatan ,pergigian dan khidmat sunathon percuma setiap tahun.

Pengorbanan dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada masyarakat khususnya di Kelantan ini seharusnya dijadikan contoh dan pendorong kepada semua kaum wanita untuk sama-sama menyumbang bakti kepada masyarakat.



توکوه خدمت کباجيقن

## TOKOH KHIDMAT KEBAJIKAN

"Hati Emas", itulah gelaran yang paling layak diberikan bagi menggambarkan keperibadian insan hebat ini. Nik Mas binti Mahmood atau lebih mesra disapa sebagai "Kak Nik' merupakan ibu tunggal yang berasal dari Kampung Kedai Menanti, Pasir Puteh Kelantan. Hasil perkahwinannya bersama suami, beliau telah dikurniakan 4 orang cahaya mata lelaki yang kini sudah mempunyai kerjaya dan keluarga masing-masing. Hanya berbekalkan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Puan Nik Mas telah membuka mata masyarakat bahawa syarat untuk berjaya bukanlah semata-mata dinilai daripada sijil. Ibu tunggal ini telah berkecimpung di dalam dunia perniagaan sejak tahun 2005 dan sehingga kini masih membanting tulang empat kerat.

Tidak mengenal erti penat dan lelah, wanita berusia 60 tahun ini masih aktif menabur bakti kepada masyarakat sekitar di saat wanita seusia beliau sedang beristirahat dan bergantung kepada ihsan anak-anak. Istiqamah dalam gerak kerja sosial terserlah apabila beliau diberi kepercayaan untuk menggalas jawatan Ahli Jawatankuasa Kampung Kedai Menanti untuk menguruskan hal ehwal kebajikan penduduk kampung selama 20 tahun berturut-turut.

Beliau juga bergiat aktif sebagai aktivis sosial di peringkat yang lebih tinggi apabila berdaftar secara rasmi sebagai petugas Khidmat Bantu di Rumah (Home Help) di rumah klien Jabatan Khidmat Masyarakat (JKM) bermula pada tahun 2011 sehingga sekarang. Selain bertugas dari rumah ke rumah, Puan Nik Mas merupakan sukarelawan yang dilantik oleh JKM bagi menguruskan hal berkaitan bencana seperti pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS), gotong-royong di rumah warga emas, penyampaian bantuan dan sebagainya. Beliau antara individu yang sanggup turun padang semasa banjir besar melanda Kelantan pada tahun 2014 kerana bagi beliau itulah yang akan menjadi saham akhirat nanti.

Sikap suka membantu dan ringan tulang mendorong beliau untuk terlibat secara langsung dalam program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Khidmat Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam hal-hal berkaitan komuniti setempat. Berkat kesungguhan dan ketekunan, Puan Nik Mas telah menerima Anugerah Petugas Home Help Terbaik Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2013 daripada JKM sebagai menghargai sumbang bakti beliau kepada masyarakat. Penganugerahan ini telah menjadi pembakar semangat untuk beliau terus berkhidmat di lapangan ini tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

Selayaknya beliau dinobatkan sebagai Tokoh Khidmat Kebajikan di atas komitmen dan kesungguhan beliau sebagai aktivis sosial di samping keupayaan beliau mendidik dan membesarkan anak-anak dengan kudrat sebagai seorang ibu tunggal. Kejayaan mendidik 4 orang anak dan pada masa yang sama bergerak aktif menyumbang bakti dan tenaga seharusnya menjadi menjadi teladan dan contoh oleh para ibu tunggal mahupun semua wanita di Negeri Kelantan.



## ايكون ۏيرل چقنا اوکيو

## IKON VIRAL CAKNA OKU

Berbekalkan hobi dan minat yang mendalam terhadap dunia videografi dan gajet akhirnya membawa anak kelahiran Kg. Gertak Kechupu, Kota Bharu ini ke puncak kejayaan apabila menjadi *Youtuber* yang berpengaruh melalui platform Syahmi Sazli Production. Muhammad Syahmi bin Sazli atau lebih dikenali sebagai Syahmi Sazli merupakan pemegang diploma dalam bidang *Electrical Engineering* daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM). Pemuda berusia 25 tahun ini pernah menyambung pengajian di peringkat Ijazah, namun membuat "u-turn" apabila memilih untuk fokus kepada pembikinan video.

Menerusi *youtube channel* sendiri iaitu Syahmisazli, beliau mula berkecimpung dalam bidang lakonan video pendek bagi mempromosi produk kecantikan dan kesihatan di samping menyampaikan mesej kehidupan. Sejak itu, beliau sentiasa mencari jalan dan menimba ilmu dalam meningkatkan kualiti video yang dihasilkan. Rentetan daripada itu, beliau telah menubuhkan sebuah syarikat sendiri yang bernama *Syahmi Sazli Production Sdn. Bhd.* Pada tahun 2019, beliau telah berjaya mendapat anugerah sebagai "Youtuber". Selain itu, beliau juga bergiat aktif dalam bidang keusahawanan dengan mengusahakan produk kecantikan AF Beauty  bersama isterinya, Anissa Faizul.

Kemuncak kejayaan beliau dalam dunia penerbitan bermula menerusi segmen "Drama Spontan" yang menampilkan bakat baru. Berkisarkan lawak jenaka dan penyampaian yang santai telah berjaya membuat penonton tertunggu-tunggu episod yang seterusnya. Kehadiran watak Asiff sebagai pelakon utama telah mengangkat nama youtuber muda ini di persada kejayaan. Asif atau nama penuhnya Muhammad Asyiff Suhaimi, 18 tahun merupakan OKU pembelajaran yang juga merupakan anak saudara kepada Syahmi.

Melihat kejayaan Asif membuatkan beliau semakin bersemangat untuk mengetengahkan bakat OKU sebagai pelakon yang menghiasi video terbarunya. Sehingga hari ini, beliau telah menampilkan 3 orang insan istimewa iaitu Muhammad Asharul Hakim Luqman atau lebih dikenali sebagai "Yoe Parey", 22, Asif dan Abdul 28 tahun. Video yang berdurasi pendek itu telah mencecah jutaan *views* dan *subscribes* serta mempunyai pengikut tersendiri iaitu seramai 2.13 juta sehingga hari ini. Usaha beliau ini membuahkan hasil apabila kehadiran bakat OKU ini mula diterima oleh rakyat Malaysia dan dianggap sebagai "selebriti".

Syahmi Sazli merupakan salah seorang *youtuber* yang telah berjaya mengangkat nama golongan OKU sekaligus mencungkil bakat terpendam mereka dalam bidang lakonan. Atas dasar inilah, Kerajaan Negeri berbesar hati menganugerahkan Tokoh Viral Cakna OKU kepada Syahmi Sazli pada sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan tahun ini. Garapan idea daripada *youtuber* muda ini seharusnya menjadi inspirasi kepada para belia yang berkecimpung dalam bidang videografi untuk mencuba sesuatu yang baru.



## ايكون سوكاريلاون كباجيقن

## IKON SUKARELAWAN KEBAJIKAN

Tokoh ini dilahirkan di Tanah Serendah Sekebun Bunga pada 6 Februari 1985. Beliau mendapat pendidikan awal di Maahad Darul Anuar, Kota Bharu sebelum menyambung pelajaran dalam jurusan Pentadbiran Awam di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kemudian, beliau telah menyambung pelajaran dalam bidang pembangunan belia di peringkat diploma dan mendapat latihan professional dalam bidang yang sama di *Commonwealth Secretariat, London*. Beliau telah menerima Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Universiti Malaysia Pahang pada tahun 2014. Beliau juga telah mendapat Pendidikan secara tidak formal di beberapa buah institusi dalam dan luar negara.

Suhail bin Mohamed Kamaruddin satu nama yang tidak asing lagi di kalangan rakyat Malaysia khususnya para belia memandangkan beliau pernah menjadi salah seorang Ahli Parlimen Belia Malaysia dan Ahli Majlis Perundingan Belia Negara. Mendirikan rumah tangga bersama bidadari pilihan hati Norhidayah binti Zaini, beliau dikurniakan tiga orang cahaya mata perempuan. Nur Marissa 8 tahun, Nawal Zaura 5 tahun dan Nuha Raisa 2 tahun. Bermula dengan kejayaan di peringkat sekolah, beliau terus menempa nama di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Memanfaatkan kemahiran dan pengalaman yang diperolehi daripada majikan sebelumnya, beliau yakin mampu berdiri di atas usaha sendiri sehingga bergelar CEO pada usia yang

begitu muda. Antara syarikat milik beliau ialah *Smart management Sdn. Bhd.*, Azam Transformasi Sdn. Bhd., *Inspire Academy (Enterprise), Nawal Training and Consultancy* dan *Global Wellness Foundation.*

Sumbangan Ikon Sukarelawan Kebajikan ini sudah pasti tiada tolak bandingnya apabila menyertai pelbagai kegiatan kesukarelaan di pelbagai peringkat kebangsaan hingga ke peringkat antarabangsa sejak dari tahun 2009 lagi. Kepimpinan beliau dalam bidang kemasyarakatan dan kebajikan terserlah apabila beliau berjaya menggerakkan lebih 10,000 tenaga sukarelawan dengan kerjasama pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan memaksimumkan penyaluran bantuan ke Negeri Kelantan dan Pahang ketika banjir besar pada tahun 2014.

Minat yang mendalam dalam bidang sukarelawan telah membawa beliau menyertai Misi Kemanusiaan di beberapa buah negara seperti Myanmar, Filipina dan Singapura serta memimpin program berskala besar. Tidak hanya memiliki bakat seorang pemimpin, beliau turut berkecimpung sebagai penceramah,pengarah program dalam bidang keagamaan dan keilmuan sehingga mewakili Malaysia di program bertaraf antarabangsa seperti *International Business Meeting*, Bangkok, *International Conference on Rohingya Crisis,* Guangzhou dan I*nternational Course on Management SME*, Indonesia.

توكوه چقنا كباجيقن

TOKOH CAKNA KEBAJIKAN

# KATEGORI NGO CAKNA

Berorientasikan hasrat dan cita-cita pengasasnya, Yayasan Amal Dato' Zul Wisma telah ditubuhkan pada 25 Februari 2016 dibawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] untuk membantu golongan asnaf dan anak yatim yang mungkin terlepas pandang oleh badan-badan kebajikan yang lain. Menurut pengasasnya iaitu Datuk Dr. Zulkepli bin Hj. Mohamad yang juga merupakan seorang juruaudit yang bertauliah (Chartered Accountant of Malaysia), beliau ingin mengajak rakan niaga yang lain untuk turut sama membantu dan meringankan bebanan hidup golongan yang tidak berkemampuan di seluruh Negeri Kelantan.

Beralamat di Lot 1252, Tingkat 1, Bangunan Zul Wisma, Jalan Sultan Yahya Petra, Kubang Kerian 15200 Kota Bharu, Yayasan Amal Dato' Zul Wisma komited menggalas misi dan visinya untuk menjadi organisasi yang menjaga Kebajikan dan Pendidikan melalui Infaq (memberi kepada yang memerlukan tanpa mengharapkan apa-apa balasan) dan Auqaf (wakaf) dengan meningkatkan nilai akauntabiliti dan integriti yang maksima berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Di bawah aspirasi Dato' Dr. Zulkepli, beberapa inisiatif kebajikan telah dilaksanakan, antaranya ialah program Masuk Kampung, *Back To School* dan Dapur Yayasan.

Menerusi penganjuran program Masuk Kampung, golongan asnaf dan anak yatim yang telah dikenalpasti berdasarkan maklumat yang diterima daripada media massa, dan permohonan secara terus di pejabat yayasan telah dibantu dari sudut kewangan dan sumbangan keperluan rumah. Selain itu juga, program tahunan seperti pengagihan wang zakat bantuan pembelian pakaian raya kepada anak-anak golongan asnaf turut dilaksanakan untuk membantu keluarga asnaf yang berdepan masalah kewangan setiap kali sesi persekolahan bermula. Sehingga hari ini, Yayasan telah menaja tiga orang pelajar daripada golongan asnaf untuk menyambung pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan jumlah tajaan sebanyak 20,000.00 Ringgit Malaysia seorang. Manakala platform Dapur Yayasan adalah dikhususkan kepada golongan asnaf kategori zon merah dimana mereka dibenarkan untuk datang ke pejabat yayasan bagi mendapatkan barang-barang mengikut keperluan mereka tanpa perlu membayar sejumlah wang.

Sumbangan Dato' Dr. Zulkepli dalam dunia kebajikan tidak terhenti sekadar itu apabila dorongan dan semangat yang diberikan berjaya menyuntik semangat dua orang anaknya sehingga membawa kepada tertubuhnya Persatuan Tabung Beras 8 Asnaf dan Tabung Jariah yang masing-masing dipengerusikan oleh Zul Azree bin Datuk Dr. Zulkepli dan Ayu Syaheera binti Datuk Dr. Zulkepli. Sikap dedikasi yang ditunjukkan oleh pengasas Yayasan Amal Dato' Zul Wisma ini telah berjaya mengangkat nama organisasi ini sebagai badan kebajikan yang terunggul selaras misi dan visinya sehingga dinobatkan penerima Tokoh Cakna Kebajikan (Kategori NGO Cakna) dalam sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 bagi menzahirkan pengiktirafan dan penghargaan kepada sumbangan pihak yayasan.



توكوه چقنا كباجيقن

TOKOH CAKNA KEBAJIKAN

# KATEGORI NGI CAKNA

Penerima Anugerah Tokoh Cakna Kebajikan (Kategori NGI Cakna) pada tahun ini dinobatkan kepada Encik Mohd Shazuwan Husnan bin Che Hamid. Beliau mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 dan 2 sebelum menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2010. Penglibatan dalam bidang khidmat sosial tidak menghalang beliau untuk berkhidmat sebagai Penolong Eksekutif Pembangunan Sumber Manusia di syarikat KIFAALAH Sdn. Bhd. dan bergerak aktif di dalam Jabatan Amal Negeri Kelantan.

Anak Jati Kampung Batu, Tanah Merah ini telah dilahirkan pada 8 Mac 1985 dan memiliki seorang cahaya mata bernama Muhammad Mursi yang berusia 7 tahun. Secara rasminya, beliau mula menginfakkan diri kepada masyarakat setelah menganggotai salah satu badan NGO. Komitmen yang tinggi di dalam dunia kebajikan telah membawa beliau menyertai Misi Bantuan Banjir di dalam dan luar negeri antaranya di Dungun, Terengganu dan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kepimpinan beliau turut terserlah apabila diberi amanah untuk mengetuai Bilik Gerakan Operasi Banjir Tanah Merah semasa banjir besar Kelantan pada tahun 2014.

Kini beliau bergerak sebagai aktivis kebajikan melalui NGI Jom Cakna Asnaf. Berkolaborasi dengan penghulu dan pemimpin setempat beliau menggerakkan aktiviti dan program kebajikan secara berkala. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Ziarah Asnaf dan OKU. Menerusi kegiatan ziarah ini, beberapa keluarga akan diraikan melalui sumbangan wang ringgit dan keperluan rumah. Keprihatinan beliau tidak hanya terarah kepada satu sudut apabila turut membantu kanak-kanak yang kurang bernasib menyediakan keperluan persekolahan seperti baju sekolah, alat tulis dan yuran persekolahan. Menjelang musim perayaan pula, beliau turut mencari dana dan menyumbangkan duit dan pakaian kepada keluarga yang kurang berkemampuan sebagai persediaan menyambut hari lebaran.

Di usia yang masih muda, beliau telah mendapat jolokan "hero" apabila dinobatkan sebagai Tokoh Hero Rakyat DUN Bukit Panau, Tanah Merah 3 tahun lalu. Penat lelah beliau menabur bakti kepada masyarakat telah mendapat perhatian Kerajaan Negeri Kelantan sehingga melayakkan beliau menerima Anugerah Tokoh Cakna Kebajikan bagi kategori NGI Cakna dalam sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan pada tahun ini. Semoga beliau terus menjadi inspirasi dan ikon kepada anak muda masi kini dan akan datang.



توکوه چقنا کباجيقن

TOKOH CAKNA KEBAJIKAN

## KATEGORI NGI CAKNA

Berpegang kepada hadis Rasulullah SAW "Sebaik-baik manusia adalah manusia yang bermanfaat bagi orang lain", pengasas Dapur Ramadhan (DR) ini menginfakkan masa, tenaga dan wang ringgit demi membantu masyarakat yang memerlukan. Bertitik tolak daripada sumbangan RM 10, 000.00 daripada seorang hamba Allah, beliau mula mengusahakan satu ruangan kecil di belakang rumahnya yang diberi nama Dapur Ramadhan(DR) yang mula beroperasi pada bulan Ramadhan 2017. Beliau yang dimaksudkan ialah Zarina binti Mohd Zawawi atau lebih dikenali sebagai "Kak Na" oleh penduduk kampung Bukit Gading, Tanah Merah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Lemal, Pasir Mas sebelum melanjutkan pendidikan tertinggi di Institut Teknologi Mara Kelantan (UiTM) dalam jurusan *Business Studies.*

Redha dengan jodoh yang tidak panjang, Puan Zarina bertekad membesarkan empat orang anak dengan titik peluhnya sendiri tanpa mengharapkan simpati orang lain. Beliau memilih kerjaya sebagai Eksekutif Perancang Inventori di syarikat N. Metic Sdn. Bhd. Petaling Jaya sebagai langkah awal sebelum membuat keputusan untuk pulang menabur bakti di negeri kelahiran. Minat yang mendalam di dalam bidang kebajikan dan kemasyarakatan mendorong beliau untuk

menggerakkan beberapa inisiatif kebajikan melalui Dapur Ramadhan miliknya. Antaranya ialah pembuatan produk ketupat palas sejuk beku yang dihasilkan oleh 17 orang pekerja yang dipilih dari kalangan asnaf. Hasil penjualan ketupat dan derma daripada rakan *Facebook* akan digunakan untuk membayar upah pekerja dan menyediakan 400 bungkus nasi untuk diagihkan kepada anak-anak asnaf di 8 buah sekolah pada hari persekolahan di bawah program "Jamu Makan Pelajar Asnaf"

Berkonsepkan "free to take", beliau mewujudkan kabin Asnaf sebagai tempat penyimpanan barang-barang keperluan yang terdiri daripada makanan, keperluan dapur, dan sebagainya yang disumbangkan oleh orang persendirian mahupun NGO. Usaha ini membolehkan golongan asnaf miskin dan tidak berkemampuan dibantu secara tidak langsung. Selain itu juga, sumbangan yang diberikan akan dihulurkan sendiri oleh pasukan Dapur Ramadhan ke rumah asnaf-asnaf yang dikenalpasti melalui aktiviti ziarah yang dijalankan secara berkala dengan kerjasama rakan NGO seperti Dapur Hati, Team Project RM10, dan Warga Kilang di dalam aktiviti kebajikan menerusi aktiviti "Visit Masuk Kampung". Kabin Asnaf ini juga membuat jualan amal dimana kakitangan Dapur Ramadhan dibenarkan membeli keperluan rumah dengan harga yang lebih murah berbanding di pasar raya dan gedung serbaneka selain menggunakan kaedah potongan gaji tanpa faedah sebanyak RM 5.10 sehari.

Keyakinan beliau dengan janji Rasulullah bahawa "Barang siapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa, maka pahalanya seperti orang yang berpuasa", membuatkan beliau terus bersemangat menyediakan 100 bungkus nasi dan kuih muih kepada warga Pondok Darul Ilmi, Bukit Gading sebagai juadah berbuka puasa pada setiap hari Isnin dan Khamis semenjak penubuhan Dapur Ramadhan. Berkat usaha dan kesungguhan yang ditunjukkan, Puan Zarina telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Cakna Kebajikan (Kategori NGI Cakna) sempena Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020.



# ايكون ۏيرل كباجيقن

## IKON VIRAL KEBAJIKAN

Bermula dengan satu *posting* di Facebook yang dimuat naik oleh pemilik akaun Roslan Hassan pada 23 Disember tahun lalu, kisah anak muda ini menjadi tular di media sosial sehingga mencecah sepuluh ribu (10K) perkongsian daripada warga net telah mengangkat nama anak muda kelahiran Pasir Mas, Kelantan ini sebagai individu viral di Malaysia.

Keperibadian dan keluhuran budi pekerti anak sulong daripada empat orang adik beradik ini menjadi bualan ramai apabila kisahnya menjadi tular di media sosial. Beliau yang dimaksudkan ialah Mohammad Fitri Firdaus bin Malihan, 21 tahun merupakan pelajar tahun tiga jurusan Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknikal Malaysia Melaka(UTeM). Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Rendah Bechah Durian, seterusnya melanjutkan pengajian di Sekolah Menengah Teknik Terengganu dan Matrikulasi Teknikal Kedah.

Dalam kejadian 21 Disember 2019, kira-kira jam 3 petang, beliau yang sedang bertugas sebagai juruwang di A&W Hentian Rehat Ayer Keroh bertindak menyerahkan kunci motor milik beliau kepada salah seorang pelanggan yang beratur untuk membuat pesanan apabila dimaklumkan tentang ketiadaan wang tunai di dalam dompetnya.

Menurutnya, beliau berasa simpati kepada individu tersebut kerana telah beratur panjang dan terpaksa beratur semula jika tidak dapat membuat bayaran. Tindakan itu telah memberi impak yang besar kepada dirinya serta masyarakat sekeliling terutamanya golongan belia. Sikap dan perilaku mulia yang ditonjolkan oleh pemuda ini telah menjadi inspirasi dan kebanggaan kepada rakyat Malaysia khasnya Negeri Kelantan.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Kelantan berbesar hati untuk menganugerahkan Anugerah Ikon Viral Kebajikan kepada Mohammad Firdaus Fitri di dalam sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan pada tahun ini. Semoga beliau terus berjaya di dalam bidang yang diceburi dan terus menunjukkan nila-nilai murni dalam kehidupan beliau.

# AGENSI KEBAJIKAN DAN KESUKARELAAN DI BAWAH U-KEKWA

# PERTUBUHAN SUKARELAWAN RAKYAT KELANTAN (MESRA)

Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA) telah ditubuhkan pada Januari 2014 bagi mewujudkan satu badan sukarelawan untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam menuju "*Baldatun Toyyibaton Wa Rabun Ghafur*" *(negeri yang baik yang mendapat keampunan Allah).*

MESRA mengumpulkan sukarelawan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan dengan motonya "Mesra Membantu". Semenjak penubuhannya, MESRA telah dianggotai oleh seramai 1,510 ahli berdaftar (Mei 2017).

Berteraskan 5K iaitu Kepercayaan, Komitmen, Kerelaan, Komuniti dan Kesejahteraan, MESRA telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti seperti Kursus Pengurusan Bencana, Beach Attack, Mesra Kasih, Gotong-Royong dan sebagainya untuk memberi pendedahan kepada para sukarelawan.

## RASIONAL PENUBUHAN MESRA

1. Menyelaras jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja kesukarelaan.

2. Mewujudkan sebuah platform rasmi yang menggabungkan semua agensi dan kumpulan sukarelawan di Negeri Kelantan.

3. Mewujudkan budaya organisasi yang tersusun, jelas dan dinamik dalam pengurusan , matlamat dan pendekatannya.

4. Menyediakan ruang dan peluang kepada belia bagi membantu menjayakan program-program Kerajaan Negeri daripada pelbagai latar belakang dan profesion.

5. Menjadi negeri perintis yang menubuhkan majlis sukarelawan rakyat pertama di Malaysia.

## PERANAN MESRA

1. Mendidik pembudayaan sikap cakna, bantu membantu dan kesukarelawan berteraskan budaya ilmu dan bermaklumat.

2. Memberi peluang kepada belia dan beliawanis untuk mengambil bahagian dalam menjayakan agenda kesejahteraan rakyat negeri Kelantan melalui program sukarela.

3. Merancang dan melaksanakan ativiti yang wajar dan bersesuaian.

4. Mengadakan kerjasama strategik dengan agensi dan badan berkaitan.

5. Melebarkan liputan program kesukarelaan ke seluruh pelosok negeri melalui pelbagai jaringan.

# PENGENALAN SKUAD KITA CAKNA (SKC)

Skuad Kita Cakna (SKC) telah dilancarkan pada 30 September 2010 sempena Karnival Kesihatan Wanita yang telah diadakan di Dataran Stadium Muhammad IV Kota Bharu.

Penubuhan SKC merupakan satu inisiatif untuk menjadi kumpulan sokongan dan pemantau setempat dalam membantu menjayakan misi serta hasrat kerajaan dalam hal kebajikan, kemaslahatan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

## FUNGSI SKC

1. Memberi bantuan kebajikan secara berterusan kepada seluruh masyarakat dalam DUN masing-masing tanpa mengira kaum, agama, fahaman politik, peringkat umur, dan seumpamanya.

2. Menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan dalam mendapatkan maklumat tentang keperluan rakyat dan seterusnya menjadi tangan yang sentiasa membantu.

3. Mendidik masyarakat untuk membudayakan sikap cakna, bantu membantu dan kesukarelaan.

## MANUAL GERAK KERJA SKC

1. Mewujudkan Pasukan SKC mengikut carta organisasi yang telah tersedia.

2. Semua aktiviti SKC mestilah direkod dan dikemaskini dalam page rasmi DUN (YB/ADUN/PEnyelia/MTD). Seterusnya pihak U-KeKWa akan *"share"* ke page Skuad Kita Cakna Negeri Kelantan.

3. Setelah aktiviti dilaksanakan, Setiausaha SKC perlu membuat laporan yang lengkap dan disahkan oleh YB ADUN/ penyelia sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun.

4. Salinan laporan dan data maklumat peserta program/aktiviti perlu diserah dan direkod oleh PICT DUN untuk tidakan selanjutnya.

5. Senarai nama program serta aktiviti yang telah disahkan perlu diserahkan kepada pihak Urus Setia Kebajikan , Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa).

6. Pihak U-KeKWa akan menghantar status laporan program dan aktiviti kepada YB ADUN/penyelia pada setiap tahun.

# PERTUBUHAN ARMALAH DARUL NAIM

ڤرتوبوهن ارمله دارالنعيم

PERTUBUHAN ARMALAH DARULNAIM

Kerajaan Negeri Kelantan telah mendaftarkan Pertubuhan Armalah Darul Naim pada tahun 2016 sebagai bukti komitmen terhadap golongan armalah. Tujuan penubuhannya adalah untuk menyediakan satu platform beraktiviti dan berhimpun sesama armalah.

Lawatan dan kunjung hormat telah dilakukan ke semua 14 buah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setiap jajahan seluruh Kelantan bagi memperkukuhkan aspek kerjasama antara kerajaan dan jabatan terlibat. Kunjungan hormat ini merupakan salah satu urusan rasmi bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dan perbincangan isu-isu semasa serta berkongsi hala tuju kedua-dua belah pihak terutamanya berkaitan hal kebajikan armalah atau ibu tunggal.

## MATLAMAT PENUBUHAN

1. Menyatupadukan golongan armalah daripada semua peringkat tanpa mengambil kira faktor bangsa dan agama.

2. Membela nasib ibu tunggal yang teraniaya dan miskin serta kurang bernasib baik bagi meningkatkan taraf hidup.

3. Mengadakan aktiviti dan kursus bertujuan meningkatkan taraf ekonomi selain turut meluaskan pandangan armalah.

4. Memupuk semangat gigih bagi membolehkan armalah menghadapi sebarang cabaran.




45 Orang Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD) bersama staf Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa)

# MAJLIS PERSEFAHAMAN PERTUBUHAN OKU KELANTAN (MPPOK)

Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan telah ditubuhkan pada Jun 2004 oleh gabungan Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI), Persatuan Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kelantan (SBM), Persatuan Cacat Anggota Malaysia Cawangan Kelantan, dan Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK). Oleh itu MPPOK merupakan sebuah badan naungan yang diketuai dan digerakkan sendiri oleh komuniti OKU. MPPOK telah bergerak aktif bermula tahun 2006 dan kemudian didaftarkan secara rasmi pada 27 Jun 2016 di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang bervisikan Membangun OKU Muqarabun 2026.

## TUJUAN PENUBUHAN

1. Menyelaras dan menyeragamkan tindakan dalam menangani krisis dan permasalahan OKU.

2. Mengeratkan hubungan NGO OKU secara menyeluruh melalui aktiviti dan program yang dijalankan.

3. Memastikan keperluan dan penyertaan OKU dalam masyarakat dapat direalisasikan melalui jaringan pelbagai pihak termasuklah orang awam, pemimpin, NGO dan badan kerajaan.

## MISI MPPOK

1. Mengadakan ceramah penerangan, kuliah dan siri jelajah masjid dan DUN.

2. Bekerjasama dengan penghulu, PPAD, Imam dan ADUN.

3. Pembentangan dasar kepada pimpinan masyarakat serta mengadakan seminar dan bengkel kepada pimpinan NGO OKU.

4. Mendidik masyarakat Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan pembangunan dan acuan yang berteraskan iman dan taqwa.

5. Memupuk jati diri OKU melalui kem jati diri, kem ibadat dan sebagainya.

## KEANGGOTAAN MPPOK

1. Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI)
2. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kelantan (SBM)
3. Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK)
4. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Kelantan (PERTIS)
5. Persatuan Orang Kelainan Upaya Berkerusi Roda Kelantan (OKUSIDA)
6. Persatuan Rekreasi Cakna OKU Darulnaim (RCO)
7. Persatuan Prihatin Minda Istimewa Kelantan (PMIK)

# DIREKTORI

# PENYELARAS PEMBANGUNAN ARMALAH DUN (PPAD) 2020

| BIL | DUN | NAMA | NO. TEL |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengkalan Kubor | Maskah Abu Bakar | 014-8178478 |
| 2 | Kelaboran | Rohati Mat Nor) | 013-6969652 |
| 3 | Pasir Pekan | Wan Hafizah Wan Hassan) | 011-19811821 |
| 4 | Wakaf Bharu | Siti Filzah Aimuni Mohd Nazri | 019-3724163 |
| 5 | Kijang | Mariam Zakaria | 019-5233408 |
| 6 | Cempaka | Syarifah Halawiah Syed Adnan | 019-9863186 |
| 7 | Panchor | Suriani Mat Nor | 010-3885426 |
| 8 | Tanjong Mas | Noraini Rosli | 019-3639541 |
| 9 | Kota Lama | Suriati  Muhamad | 011-10889001 |
| 10 | Bunut Payong | Zuraida Mohd Saufi | 012-7021030 |
| 11 | Tendong | Rokiyah Isamail | 014-8415857 |
| 12 | Pengkalan Pasir | Khilni Muhammad | 017-9328123/ 012-9575214 |
| 13 | Meranti | Lidyawati Abdul Wahab | 019-9790039 |
| 14 | Chetok | Mazlina Che Ismail | 012-2750974 |

| BIL | DUN | NAMA | NO. TEL |
|---|---|---|---|
| 15 | Gual Periok | Nur Daniaa Ruziha | 012-9373472 |
| 16 | Apam Putera | Mek Embong @ Noriah Zakaria | 014-8223709/ 012-7245106 |
| 17 | Salor | Karimah Hamat | 013-9093166 |
| 18 | Pasir Tumboh | Murshida Ismail | 017-9816421 |
| 19 | Demit | Rofiah Husin | 019-9081477 |
| 20 | Tawang | Norhayati Che Lah | 019-9466475 |
| 21 | Pantai Irama | Nazimah Abd. Hamid | 019-9373346 |
| 22 | Jelawat | Nurul Nazatul Akma Abdul Satar) | 013-9036476 |
| 23 | Melor | Rosnormazita Mohamed | 013-4898705 |
| 24 | Kadok | Noor Isha Hassan | 013-9165951 |
| 25 | Kok Lanas | Jamimah Din | 013-5012509 |
| 26 | Bukit Panau | Siti Hasiah Mohamed) | 013-6189078/ 014-8155273 |
| 27 | Gual Ipoh | Norsilawati Hassan | 019-6615948 |
| 28 | Kemahang | Aida Mat Hassan | 019-9201520 |
| 29 | Selising | Che Robiah Said | 013-9474603 |

| BIL | DUN | NAMA | NO. TEL |
|---|---|---|---|
| 30 | Limbongan | Faridah Haron | 013-9214620 |
| 31 | Semerak | Zainun Che Ahmad | 013-9463827/ 010-5705052) |
| 32 | Gaal | Asmaliza Mohamed | 0111-0758696 |
| 33 | Pulai Chondong | Nor Atikah Hassan | 013-9576497 |
| 34 | Temangan | Rohani Mamat | 011-25735260 |
| 35 | Kemuning | Fadzilah Ismail | 010-2504324 |
| 36 | Bukit Bunga | Wan Ainun Mardiyah Wan Aziz | 014-5029942 |
| 37 | Ayer Lanas | Rosyida Muhammad Zain | 014-5470406 |
| 38 | Kuala Balah | Nurul Liayana Mohd Noordin | 019-4818309 |
| 39 | Mengkebang | Isumiyyah Safiee | 019-9315327 |
| 40 | Guchil | Siti Mariam Che Hussin | 014-2151964 |
| 41 | Manek Urai | Zila Loman | 017-9527782/ 013-9917803 |
| 42 | Dabong | Noormaziah Ismail | 017-9852021/ 010-4642021 |
| 43 | Nenggiri | Asliza Jazuli | 013-9163327 |
| 44 | Paloh | Nor Hayati Haron | 013-9287074 |
| 45 | Galas | Siti Farah Suriana Mat Sin | 013-9798924 |

# PENYELARAS MESRA NEGERI DAN PARLIMEN 2020

| BIL | NAMA | NO. TEL |
|---|---|---|
| 1 | Muhammad Aminuddin Bunyamin | 013-9728445 |
| 2 | Muhammad Arif Mohd Nor | 013-3438644 |
| 3 | Siti Amani Mohd Rahim | 013-6350122 |
| 4 | Nik Nurul Atikah Nik Mahmud | 017-9759655 |
| 5 | Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan | 017-9206665 |
| 6 | Susilawati Hasan | 014-5221566 |
| 7 | Rabiatul Adawiah Yusof | 011-12152856 |
| 8 | Muhammad Hilmi P Ramli | 010-3430350 |
| 9 | Syed Ahmad Fitri Said Omar | 011-1948251 |
| 10 | Noor Hisam Mohd Noor | 013-9213832 |
| 11 | Nur Saadah Daud | 010-4172025 |
| 12 | Nurzalinaiza Indah Zakaria | 013-9825952 |
| 13 | Hashim Muhammad | 019-9164900 |
| 14 | Mohamad Zulhilmi Zakaria | 01-45178059 |
| 15 | Mohd Firdaus Mohd Nawi | 012-9694602 |
| 16 | Siti Zahidah Ramli | 014-8391098 |
| 17 | Ismail Mohamed | 016-9255445 |
| 18 | Adam Abdullah | 016-6307063 |

# PENYELARAS PARLIMEN BAGI OKU (PPO) 2020

| BIL | PARLIMEN | NAMA | NO. TEL |
|---|---|---|---|
| 1 | Pasir Puteh | Mohd Ramli Abdul Rahman | 019-9534989 |
| 2 | Ketereh | Mohd Zukefali Jaafar | 012-9220089 |
| 3 | Kubang Kerian | Mohd Kufri Omer @ Omar | 019-9743512 |
| 4 | Pasir Mas | Hirda Ayu Mohd Akhir | 017-9240799 |
| 5 | Jeli | Mohammad Helmy Deris | 013-9066335 |
| 6 | Bachok | Mohd Nazri Nawi | 013-9806650 |
| 7 | Rantau Panjang | Nornajihan Ahmad | 019-9656614 |
| 8 | Kota Bharu | Fatimah Daud | 013-9891415 |
| 9 | Pengkalan Chepa | Noor Haseken P Rameli | 019-9429003 |
| 10 | Tanah Merah | Mohd Kamarudin Ibrahim | 013-9312919 |
| 11 | Tumpat | Harun Yusoff @ Jusoh | 016-6493357/ 014-5343482 |
| 12 | Machang | Rosli Saan | 012-9625412 |
| 13 | Gua Musang | Hadi Daud | 019-9361355 |
| 14 | Kuala Krai | Kasmini Ali | 011-35729099 |

# GALERI FOTO/ LAMPIRAN

## PROGRAM & INISIATIF KEBAJIKAN




Program Menggapai Keberkatan Bersama OKU 2019




Penyampaian Sumbangan Ad-Hoc Armalah 2019




Program Kembali Ke Sekolah Dun Kelaboran  2018




Sambutan Hari OKU Peringkat Negeri Kelantan 2014




Konvensyen Armalah: Armalah Nadi Keluarga 2010



YAB Menteri Besar Kelantan menyampaikan anugerah sempena sambutan OKU Muqarrabun




YB Dato’ Hjh. Mumtaz Md. Nawi menyampaikan bantuan segera kepada mangsa bencana ribut



YB Dato' Mumtaz Md. Nawi menyampaikan Skim Manfaat Armalah kepada armalah di DUN Demit



Penyampaian Bantuan Pakaian Sekolah kepada Anak-Anak Yatim DUN Meranti



Mengadakan program, latihan dan seminar
pemerkasaan OKU




Ziarah dan sumbangan kepada OKU terlantar

# KERATAN AKHBAR DAN MAJALAH



## Majlis Pelancaran Skuad Kito Ca

**PERUBAHAN YANG DILAKUKAN KERAJAAN KE**

**Cuti Bersalin Ditambah Daripada 42 Hari Kepada 60 Hari**

**Bekerja Lima Hari Seminggu (Cuti Pada Hari Jumaat dan Sabtu**

**Penghulu Wanita**

**Penghulu Tanpa Mukim**

**Pelantikan Kaum Cina, India dan Siam Sebagai Ahli Majlis Ker**

lalu.

Dengan pelbagai program kebajikan yang dilaksanakan untuk rakyat selama ini membuktikan Kerajaan Kelantan berhasil merialisasikan Negeri Kelantan sebagai negeri kebajikan.

Keberhasilan kita membela nasib rakyat yang pelbagai kaum dan lapisan masyarakat adalah sebagai tanda keseriusan kita dalam usaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat," katanya.

Katanya, walaupun segala bantuan Kerajaan Kelantan masih mampu untuk membantu rakyat.

"Pelancaran Skuad Kito Cakno merupakan satu lagi program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kelantan untuk setiap DUN bagi membantu rakyat yang sakit.

Skuad Kito Cakno adalah merupakan kumpulan sukarelawan yang bertugas dalam kawasan masing-masing untuk mencari pesakit dan memberi bantuan kepada mereka," katanya.

Berhubung dengan perkara tersebut



## Penyelaras OKU di setiap parlimen

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto SHASLIZA SAMSUDDIN

KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan mencetus satu lagi pembaharuan apabila mewujudkan Penyelaras OKU di setiap kawasan parlimen di negeri tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Mumtaz Md Nawi berkata, penyelaras tersebut berperanan melaksanakan program kebajikan untuk golongan OKU.

"Alhamdulillah hasil usaha kerja tuan-tuan dan puan-puan peringkat Parlimen apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik," ujarnya pada perasmian Bengkel Pemantapan Kelestarian Daya Juang OKU Peringkat Parlimen di sebuah hotel di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga, Wanita (U-Kekwa) Dira Mohd Dasuki dan Pengerusi Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) Mohammad Faizal Che Yusuf.

Mumtaz juga berkata, Kelantan tidak pernah meminggirkan golongan OKU dalam merangka agenda pembangunan negeri.

Katanya juga ada dalam kalangan OKU terbabit bertugas di agensi kerajaan negeri.

Menurutnya juga kerajaan negeri akan mempertingkatkan lagi kemahiran kepada OKU bagi membolehkan mereka menjana ekonomi untuk diri dan keluarga.

"Jangan sekali-kali kita perkecilkan kemampuan mereka, jangan membiarkan mereka kerana kekurangan diri.

"Sebaliknya kita perlu bangkit dengan kegigihan sebagai satu semangat untuk meningkatkan jati diri," katanya.

Mumtaz Md Nawi bersama Penyelaras parlimen OKU.



## Skim Pendidikan bantu anak yatim

Zulkifli Mamat

MACHANG: Anak-anak yatim di Kelantan agak bertuah dengan adanya Skim Pendidikan Yatim bagi membantu mereka menyediakan peralatan persekolahan.

Program itu dianjur Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan yang dilaksanakan di setiap kawasan Dewan undangan Negeri (Dun) di Kelantan.

Antaranya di Dun Pulai Chondong di mana seramai 100 anak yatim menerima sumbangan itu yang disampaikan Adun kawasan berkenaan, Zulkifli Mamat.

Pegawai Pembangunan Armalah Dun Pulai Chondong, Atikah Hasson berkata, program terbabit diadakan bagi membantu anak-anak yatim membuat persiapan memulakan persekolahan.

"Sumbangan berbentuk wang ringgit diharap dapat mengurangkan beban mereka bagi memulakan sesi persekolahan baru. Setiap penerima turut diberi senaskhah al Quran," katanya.

Zulkifli pula berharap anggota masyarakat sentiasa cakna terhadap kebajikan anak-anak yatim.

"Anak yatim pula perlu rajin menuntut ilmu termasuk ilmu agama kerana dengan ilmu sahaja dapat membantu mengubah nasib mereka," katanya.

## Mangsa kemalangan dapat simpati Exco

Oleh SHASLIZA SAMSUDIN

KOTA BHARU: Anggota Exco kerajaan negeri, Mumtaz Md Nawi antara pemimpin kerajaan negeri yang awal tiba di tempat kejadian kemalangan maut di Kubang Kerian malam Isnin lepas.

Beliau tiba di lokasi kejadian selepas tragedi yang meragut Fitri Aziz, 13 dan Hamdan Syakirin, 10, manakala abangnya, Muhammad Hakimi Ramli, 25 kritikal.

Difahamkan Hakimi yang baru pulang dari Mesir mengajak adik-adiknya membeli kelengkapan sekolah.

Bagaimanapun mereka terlibat dalam kemalangan jalan raya di Chicha Kubang Kerian sebelum sempat membeli kelengkapan sekolah.

Ketiga-tiga merupakan anak guru Maahad Muhammadi Perempuan, Ustazah Siti Mariam Yusof, 53.

Mumtaz yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan turut mengunjungi keluarga mangsa di Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian.

Mumtaz mengucapkan takziah kepada keluarga terbabit.

Katanya, semoga keluarga berkenaan tabah menghadapi ujian yang begitu besar bagi mereka.

"Sama-samalah kita mendoakan kesejahteraan arwah dan ditempatkan dalam kalangan orang yang mukmin," ujarnya.

Mumtaz Md Nawi menemui keluarga mangsa di tempat kejadian.



Mumtaz (berdiri) bersama media yang dirakam di sebuah hotel di Kota Bharu semalam.

## Kerajaan Kelantan anjur Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 pada 17 Mac ini

**KOTA BHARU**- Seiring dengan tema 'Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam', buat pertama kalinya kerajaan Kelantan menganjurkan sambutan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 (HKN 2020) yang akan berlangsung di Kompleks Darul Naim Lundang bermula 17 Mac hingga 21 Mac

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Datuk Mumtaz Md Nawi berkata, program berkenaan dilaksanakan bagi mengetengahkan kerajaan Kelantan sebagai 'Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam' yang sangat menitikberatkan kebajikan rakyat.

"Sebagai bukti, kerajaan Kelantan telah melaksanakan lebih 100 inisiatif Kelantan cakna kebajikan antaranya, penggubalan dasar berkebajikan dan kesejahteraan rakyat Kelantan, pelaksanaan cuti ihdad termasuk bengkel pemantapan ibadah OKU dan jati diri," katanya ketika ditemui di Majlis Ramah Mesra Media di sebuah hotel di Kota Bharu sempena Program HKN 2020 semalam.

Dalam pada itu katanya, program selama lima hari itu juga dianjurkan bagi memperkenalkan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat dan Gagasan OKU Muqarrabun.

Menurutnya, sempena program berkenaan akan diadakan Persidangan Kebajikan Kelantan melibatkan pembentangan kertas kerja dalam dan luar negara iaitu dari Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina dan Turki.

Selain itu, majlis makan malam amal kebajikan dan seminar keibubapaan, penjaga anak sindrom Kelantan serta program dhuha anak syurga turut diadakan.

SINAR HARIAN M/S 29
4 MAC 2020

Keratan Akhbar Hebahan Hari Kebajikan Negeri Kelantan 4 Mac 2020



Mesyuarat Induk Hari Kebajikan
Negeri Kelantan 13 Februari 2020




Hebahan Akhbar Metro Online Hari
Kebajikan Negeri Kelantan
8 Mac 2020



# Armalah, anak yatim dirai menjelang lebaran



# MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADAN KEPADA GOLONGAN MISKIN DARI PELBAGAI KAUM

**Menghayati dasar Kelantan sebuah negeri berkebajikan**



# KIFAALAH SDN BHD:

## Bukti Kelantan Negeri Berkebajikan

**Kifaalah Agensi Pengendali Skim Takaful Kifaalah Warga Emas**



Fokus

# PENGUKUHAN 3K ERA MB

**KEBERKATAN | KEMAKMURAN | KEBAJIKAN**

Oleh: Mohd Asri Mat Daud

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dalam mentadbir kerajaan negeri telah menerapkan *Muwasofat Balad Al-Toyyib* dan menggubal satu wawasan untuk tempoh 5 tahun, penggal 2013 hingga 2018, iaitu;

"Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan tadbir urus kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam."

Wawasan ini akan menggerakkan Kelantan melangkah ke hadapan, berpaksikan tiga tonggak utama iaitu keberkatan, kemakmuran dan kebajikan. Tiga tonggak ini saling berkaitan bahkan setiap satunya merupakan prasyarat kepada kewujudan antara satu sama lain. Pada hakikatnya, wawasan ini merupakan sahutan daripada anjuran firman Allah SWT yang bermaksud:

"*Dan negeri yang baik, maka tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik maka tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan lambat serta layu. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda kekuasaan Kami dengan pelbagai cara bagi orang-orang yang bersyukur.*" (Surah al-A'raf: 58).

**Kelantan dan Keberkatan**

Tonggak yang pertama iaitu keberkatan merupakan istilah yang tidak boleh difahami oleh pemikiran selain daripada Islam. Barakah bukan hanya membawa makna bertambah dan berkembang, tetapi perkembangan dan pembangunan yang perlu disepadukan dengan kebahagiaan dan ketenangan, yang membawa kepada pengertian kemakmuran kerana mendapat rahmat dari Allah. Negeri yang berkat dan makmur akan membawa kebajikan kepada rakyatnya.

Oleh itu, Ustaz Dato' Bentara Kanan sentiasa mengawasi agar setiap perancangan dan pelaksanaan di setiap jabatan dan agensi kerajaan negeri dibangunkan berlandaskan hukum Islam yang sentiasa mengambil kira pandangan syariat sebelum diluluskan dan dilaksanakan. Inilah saluran yang boleh menjamin *barakah* dalam pentadbiran negeri.

Kunci *barakah* ada pada iman dan takwa. Keimanan tinggi akan membentuk peribadi taat dan patuh kepada Allah yang dimanifestasikan oleh amalan soleh. Ketakwaan pula membentuk satu keperibadian yang mengisi hari-hari kehidupan dengan penjagaan hukum syariat, tindakan dan pelaksanaan tugas secara berhati-hati dan berakhlak, supaya manfaatnya merangkumi dunia dan akhirat.

Kerajaan negeri telah menggariskan tiga bidang teras bagi mencapai matlamat keberkatan ini. Pertama ialah Agama dan Dakwah. Kedua; Pendidikan dan Pembangunan Insan. Dan Ketiga ialah Pentadbiran Awam. Dalam memainkan peranan di bidang Agama dan Dakwah, agensi-agensi yang terlibat seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan yang selainnya telah berperanan dengan baik. Agama dan dakwah bukan hanya dilihat dari aspek *ta`lim* (sekadar memberi ilmu kepada rakyat) tetapi merangkumi aspek tarbiyah dan *ta`dib*, mendidik, mengasuh dan mengawal sehingga terbentuk satu penghayatan Islam yang *syumul*, dan terbina satu peradaban warisan yang unggul.

Bidang Pendidikan dan Pembangunan Insan juga turut menyumbang ke arah kehidupan yang *barakah*. Kerajaan negeri memiliki sistem pendidikan yang tersendiri dan unik, di bawah Yayasan Islam Kelantan yang dipertahankan hingga ke hari ini. Institusi ini dipertahankan kerana ia merupakan aset bernilai dan unik untuk membina generasi *ummah* mengikut acuan Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI).

Matlamat dan hasrat kerajaan negeri tidak akan menjadi realiti tanpa dijana oleh jentera pentadbiran awam yang kuat dan sehaluan. Apabila kerajaan negeri telah meletakkan dasar MMBI, anggota perkhidmatan awam negeri di

# BUKU-BUKU KELUARAN U-KEKWA




Buku Inspirasi Wanita
2019 (MISK)
3 Jilid




Buku Kelantan Cakna
2017
(Buku Tiga Beradik)




Buku Jelira 2018




Buku Pengurusan Khairat Bantuan Banjir Negeri Kelantan 2017




Buku Suri Hati Tok Guru 2017




Buku Sinar Thurayya di Serambi Mekah 2017




Buku Wanita Islam Kontemporari 2016




Buku Memartabatkan Wanita 2016




Buku Teks Jahitan 2012

## RANGKAIAN MEDIA SOSIAL HKN 2020

Hari Kebajikan Negeri Kelantan

harikebajikannegerikelantan

harikebajikannk

HKNKelantan@gmail.com

والصدقه تطفئ الخطيئه كما
يطفئ الماء النار

"Sedekah itu dapat menghapus dosa sebagaimana air itu memadamkan api"

HR. Bukhari

# Sekalung Budi

YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob,
Menteri Besar Kelantan

YB Dato' Hjh Siti Zailah Mohd Yusoff
Timbalan Menteri Wanita dan Keluarga

Yang Berhormat Dato' Nazran Muhammad,
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Dato' Hjh Mumtaz Md. Nawi,
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Rohani Ibrahim,
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Puan Ilvira Mohd Dasuki,
Ketua Pengarah Program Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020

Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana
Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020

Seluruh Agensi Kerajaan, Pihak Swasta, NGO dan Individu

Wakil-wakil Media

Para Tetamu Jemputan

Para Penaja Dermawan

Semua Pihak Yang Terlibat

Secara Langsung Dan Tidak Langsung

# CATATAN

# CATATAN



**Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita**
**Kerajaan Negeri Kelantan**

Hari Kebajikan Negeri Kelantan